



Hedayah

Countering Extremism
& Violent Extremism



MEMAHAMI DAN MENCEGAH FAHAMAN PELAMPAU DAN FAHAMAN PELAMPAU KEGANASAN DALAM TALIAN DI ASIA TENGGARA

LAPORAN NEGARA MALAYSIA

Memahami dan Mencegah Fahaman Pelampau dan Fahaman Pelampau Keganasan dalam Talian di Asia Tenggara

LAPORAN NEGARA MALAYSIA

Farangiz Atamaradova, Galen Lamphere-Englund, Emma Allen,
Nurul Hidayah Mohd Noar, Kennimrod Sariburaja & Siti Hikmah Musthar



Hedayah
Countering Extremism
& Violent Extremism



Daftar Isi

Rumusan Eksekutif.	4
Pengenalan.	6
Kaedah	8
Dapatan Penting.	11
Saranan.	32
Rujukan.	35



Pandangan yang dinyatakan dalam Laporan ini adalah hasil pandangan dan penyelidikan penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan atau pendirian Hedayah atau mana-mana organisasi atau individu yang terlibat.

© Hedayah, 2025. Hak cipta terpelihara.

TENTANG HEDAYAH

Hedayah ditubuhkan sebagai gerak balas terhadap keperluan mendesak masyarakat antarabangsa dan anggota Forum Global Menentang Keganasan (*Global Counter-Terrorism Forum* atau GCTF) – yang kini mewakili 31 negara serta Kesatuan Eropah – untuk mewujudkan badan pemikir dan pengamal bebas, pelbagai hala yang khusus menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan. Sejak penubuhannya, Hedayah berkembang menjadi pertubuhan antarabangsa yang bersemangat, beriltizam serta menghimpunkan rangkaian pakar dan pengamal berpengalaman dalam usaha menangani dan mencegah fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan. Sebanyak 12 negara anggota GCTF daripada pelbagai latar belakang mewakili Lembaga Pemandu Hedayah, yang bertanggungjawab memberikan panduan strategik. Sebagai Pusat Kecemerlangan Antarabangsa bagi Menangani Fahaman Pelampau dan Fahaman Pelampau Keganasan, kami komited terhadap daya cipta, sikap berkecuali, integriti, kepelbagaian dan kecemerlangan teknikal melalui penyelidikan termaju, kaedah berdaya cipta serta pelbagai program. Pendekatan kami berteraskan usaha menghasilkan impak yang jelas dan berkekalan kepada kerajaan, masyarakat sivil dan individu yang terkesan dengan fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan, melalui pemilihan setempat dan kerjasama.



Hedayah

Countering Extremism
& Violent Extremism

PENGHARGAAN

Hedayah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pakar, pengamal dan rakan kerjasama yang terlibat dalam penyelidikan ini, dan kepada rakan penyelidikan Hedayah dari Malaysia, iaitu Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (*Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism* atau SEARCCCT), Kementerian Luar Negeri Malaysia atas sumbangan yang amat berharga dalam usaha merangka laporan ini. Hedayah juga mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Australia (*Australian Department of Foreign Affairs and Trade* atau DFAT) atas pembiayaan penyelidikan ini sebagai sebahagian daripada program Hedayah yang lebih luas bertajuk “Memahami dan Mencegah Fahaman Pelampau dan Fahaman Pelampau Keganasan di Asia Tenggara”.



Cadangan Rujukan:

Farangiz Atamaradova, Galen Lamphere-Englund, Emma Allen, Nurul Hidayah Mohd Noar, Kennimrod Sariburaja & Siti Hikmah Musthar. (2025) *Understanding and Preventing Online Extremism and Violent Extremism in Southeast Asia – Malaysia Country Report*. Hedayah, Pusat Kecemerlangan Antarabangsa bagi Menangani Fahaman Pelampau dan Fahaman Pelampau Keganasan. Emiriah Arab Bersatu (UAE). Farangiz Atamaradova, Galen Lamphere-Englund, Emma Allen, Nurul Hidayah Mohd Noar, Kennimrod Sariburaja & Siti Hikmah Musthar. (2025) *Understanding and Preventing Online Extremism and Violent Extremism in Southeast Asia – Malaysia Country Report*. Hedayah, Pusat Kecemerlangan Antarabangsa bagi Menangani Fahaman Pelampau dan Fahaman Pelampau Keganasan. Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Dunia hari ini menyaksikan perkembangan teknologi yang pesat, peningkatan dalam keterhubungan dan interaksi dalam talian. Fenomena ini bukan sahaja merancakkan pertumbuhan ekonomi global, malah membuka pelbagai peluang baharu kepada 34.9 juta pengguna Internet di Malaysia untuk berhubung, menimba ilmu dan berinovasi. Namun begitu, kebolehcapaian, interaksi dan jangkauan ini juga boleh dimanipulasi oleh pelaku berniat jahat.

Untuk menyokong aktiviti mencegah fahaman pelampau dalam talian di Malaysia pada masa akan datang, penyelidikan kualitatif ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan dan model terbaik sedia ada untuk bergerak balas, serta trend dan cabaran semasa dan baru muncul. Penyelidikan ini merangkumi kajian sekunder terhadap literatur terkini tentang landskap media dan maklumat dalam talian, penggunaannya oleh pertubuhan penganas atau pelampau, serta langkah gerak balas yang telah didokumenkan sebelum ini. Selain itu, penyelidikan primer turut dijalankan dengan petugas barisan hadapan yang mencegah usaha fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan, serta pihak berkepentingan utama lain.

Laporan ini menggariskan beberapa dapatan penting dalam tiga bidang utama. Pertama, meneliti **landskap maklumat dalam talian** di Malaysia, membincangkan trend ruang dalam talian, naratif yang digunakan oleh kumpulan pelampau, pelampau keganasan dan penganas, serta kesan penyebaran maklumat salah atau maklumat palsu. Kedua, membincangkan **ancaman baru muncul dalam talian** serta dimensi setempat di Malaysia – merangkumi penggunaan pelbagai platform teknologi baru muncul yang utama, dan isu yang memerlukan perhatian berterusan. Akhir sekali, laporan ini menggariskan **gerak balas sedia ada dalam mencegah fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan dalam talian**, termasuk komunikasi strategik, rangka kerja undang-undang yang bersesuaian, serta langkah pembendungan melalui Literasi Media dan Maklumat (*Media and Information Literacy* atau MIL) dan perbincangan tentang cabaran utama, keperluan dan pengajaran yang diperoleh dalam aspek penyederhanaan kandungan, MIL, usaha penyelarasan dan penerapan pendekatan terangkum.

Laporan ini diakhiri dengan beberapa **saranan mengikut konteks dan boleh dilaksanakan** untuk memperkukuh usaha mencegah fahaman pelampau dalam talian di Malaysia, untuk menyokong usaha sedia ada dalam ruang ini dan membantu menyediakan dan menyasarkan pendekatan baharu. **Saranan ini termasuklah:**

- ◆ Menekankan pendekatan mengikut konteks untuk mencegah fahaman pelampau, sambil memanfaatkan pengajaran dan trend global untuk melaksanakan usaha pencegahan dalam negara
- ◆ Mengimbangi strategi dalam talian dan luar talian untuk memerangi keganasan dengan berkesan, serta menggunakan pelbagai alat untuk mengukuhkan usaha mencegah fahaman pelampau dalam talian
- ◆ Menjalinkan kerjasama dengan platform digital dan meningkatkan kadar literasi digital untuk bergerak balas secara berkesan terhadap cabaran baharu seperti permainan video
- ◆ Mempertimbangkan peluang untuk mencegah usaha fahaman pelampau yang dibentangkan oleh Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* atau AI), sambil bergerak balas terhadap ancaman berpotensi daripada penganas atau pelampau dalam penggunaan teknologi baharu oleh penganas dan pelampau
- ◆ Mengadakan penyelarasan secara proaktif yang berterusan antara pelbagai pihak pelaku boleh menambah baik hasil, memperluas keterangkuman dan mengukuhkan daya tahan.

Saranan ini bertujuan mengukuhkan usaha dan kekuatan sedia ada Malaysia, serta menyediakan bukti untuk pembuat dasar dan pengamal supaya mereka sentiasa mencetuskan pembaharuan dan menambah baik usaha pencegahan, penyederhanaan dan langkah intervensi yang berkaitan, untuk menghadapi cabaran yang kian berkembang ekoran penggunaan ruang dalam talian oleh penganas dan pelampau.





1. PENGENALAN

1. Pengenalan

Transformasi digital yang pesat di Malaysia telah meningkatkan keterhubungan secara menyeluruh dengan ketaranya dalam negara; menghubungkan individu bukan sahaja pada peringkat tempatan, tetapi juga serantau dan antarabangsa. Meskipun keterhubungan ini membawa pelbagai manfaat seperti memudahkan komunikasi, memperluas capaian maklumat dan menyokong pertumbuhan ekonomi, keterhubungan ini juga membuka ruang kepada kelemahan baharu. Pelaku berniat jahat, khususnya kumpulan pelampau, turut menyesuaikan diri dengan landskap digital yang semakin maju ini. Mereka memanfaatkan pelbagai alat dan platform digital untuk menyebarkan propaganda, meradikalkan individu, mengambil keahlian penyokong dan mengumpulkan dana untuk kumpulan mereka. Kumpulan ini menyesuaikan pendekatan supaya ia sejajar dengan dinamika khusus platform yang digunakan, menggunakan algoritma dan kandungan tular untuk penyebaran, serta mengeksploitasi saluran tersulit atau separa tertutup untuk mengelak daripada dikesan, sekali gus meluaskan jangkauan.

Pada awal 2025, Malaysia mencatatkan sekitar 34.9 juta pengguna Internet, mencerminkan tahap capaian digital yang luas serta pergantungan yang semakin meningkat terhadap ekosistem dalam talian di seluruh negara (Kemp, 2025). Walau bagaimanapun, pengembangan digital ini turut mendedahkan pengguna kepada kandungan berbahaya, termasuk naratif pelampau yang menunggang isu peribadi, keagamaan dan keluhan sosiopolitik. Naratif ini sering berpaksikan peristiwa tempatan dan antarabangsa, disulami dengan maklumat salah dan maklumat palsu, serta seruan yang disampaikan dengan beremosi untuk memanipulasi tanggapan, memecahbelahkan masyarakat dan mewajarkan keganasan. Di Malaysia, apabila politik berasaskan identiti, perkauman dan keagamaan tertanam kukuh dalam wacana awam, pelampau memanfaatkan keadaan ini untuk menyemarakkan lagi perpecahan masyarakat dan menyebarkan ideologi mereka.

Laporan negara ini membentangkan dapatan utama daripada penyelidikan yang dijalankan tentang persekitaran media dan maklumat dalam talian di Malaysia, dengan memberikan tumpuan terhadap cara rangkaian pelampau dalam talian beroperasi, cabaran yang dihadapi oleh pengamal dan pembuat dasar dalam bergerak balas, serta peluang baru muncul untuk mencegah fahaman pelampau dalam talian. Laporan ini turut meneliti strategi yang digunakan oleh pelampau yang menggunakan platform awam seperti TikTok, Instagram dan X (dahulunya dikenali sebagai Twitter) untuk menyebarkan naratif mereka. Pada masa yang sama, mereka menggunakan aplikasi penyulitan seperti Telegram dan WhatsApp bagi tujuan pengambilan ahli, perancangan dan penyelarasan. Selain itu, laporan ini menyorot trend baru muncul dalam penggunaan ekosistem oleh pelampau pada peringkat antarabangsa bagi tujuan pencegahan awal sebelum isu yang sama timbul di Malaysia.

Akhir sekali, laporan ini mengkaji langkah gerak balas semasa, termasuk rangka kerja undang-undang, peraturan platform serta kerjasama pelbagai pihak berkepentingan, dan peranan penting yang dimainkan oleh kerajaan serta masyarakat sivil untuk memupuk literasi media, mencegah naratif berbahaya dan membina daya tahan digital. Perhatian khusus diberikan kepada inisiatif yang memperkasakan golongan belia, wanita dan masyarakat terpinggir, dengan mengiktiraf potensi unik mereka dalam mewujudkan strategi pencegahan fahaman pelampau yang mampan dan mengikut konteks persekitaran. Dapatan dan pengajaran daripada penyelidikan ini bertujuan menyokong mekanisme gerak balas sedia ada terhadap fahaman pelampau dalam talian di negara ini, selain menjadi panduan kepada apa-apa usaha masa depan.

The background of the slide features a repeating geometric pattern of triangles and lines in a light beige color, set against a darker beige background. The pattern is symmetrical and consists of various sized triangles and intersecting lines that create a star-like or crystalline structure.

2. KAEDAH

2. Kaedah

Demi menyokong usaha mencegah kegiatan pelampau dalam talian di Malaysia pada masa akan datang, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti amalan baik sedia ada, di samping mengenal pasti trend dan cabaran sedia ada dan baru muncul. Bahagian ini menghuraikan kaedah penyelidikan untuk kajian kualitatif tentang keperluan, cabaran dan pengajaran yang dikenal pasti oleh pengamal barisan hadapan dalam usaha mencegah fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan dalam talian, serta pandangan daripada pihak berkepentingan utama lain yang berkaitan.

Objektif dan Soalan Penyelidikan

Objektif utama Laporan Negara ini adalah menghasilkan dapatan penyelidikan berasaskan bukti tentang landskap maklumat dan media dalam konteks yang dikaji, cara pelampau bertindak dalam landskap tersebut dan keperluan yang dikenal pasti untuk bergerak balas terhadap cabaran fahaman pelampau dalam talian berdasarkan literatur dan kepakaran pengamal barisan hadapan. Soalan penyelidikan yang utama bagi projek ini adalah seperti yang berikut:

- ◆ Apakah pengajaran, cabaran, gerak balas dan keperluan yang dikenal pasti oleh petugas barisan hadapan yang berusaha mencegah dan menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan dalam talian?
- ◆ Bagaimanakah landskap media dan maklumat sedia ada menyumbang kepada penyebaran kandungan berbahaya melalui platform dalam talian?
- ◆ Apakah trend baru muncul dalam persekitaran dalam talian yang dikenal pasti oleh petugas barisan hadapan, dan apakah trend paling penting yang perlu diberikan perhatian?



Pendekatan dan Kaedah Penyelidikan

Hedayah, dengan kerjasama SEARCCT telah menjalankan kajian penyelidikan di Malaysia untuk menilai landskap media dan maklumat, dengan memberikan tumpuan khusus terhadap kemahiran Literasi Media dan Maklumat (MIL), serta pelibatan pelampau dalam platform digital di negara ini. Kajian ini juga mengambil kira secara khusus keperluan dan cabaran yang dikenal pasti oleh pengamal barisan hadapan.

Kaedah penyelidikan yang digunakan merangkumi penyelidikan kualitatif primer termasuk temu bual separa berstruktur dan perbincangan kumpulan berfokus bersama dengan pihak berkepentingan utama, termasuk kementerian, ahli akademik dan pengamal masyarakat sivil yang terlibat dengan golongan belia dan terlibat dalam mencegah fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan (*countering extremism and violent extremism* atau CEVE) atau inisiatif MIL, dan penyelidikan sekunder yang menilai literatur sedia ada tentang topik kajian.

Secara ringkas, penyelidikan ini melibatkan aktiviti yang berikut:

- ◆ Ulasan menyeluruh literatur sedia ada merangkumi tajuk yang berkaitan dengan fahaman pelampau dalam talian di Malaysia bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini, untuk mengenal pasti data yang tersedia, kelompangan sedia ada dalam literatur, serta mengesahkan dapatan daripada penyelidikan primer
- ◆ Sesi perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion* atau FGD) bersama dengan pihak berkepentingan utama seperti wakil kementerian dan organisasi masyarakat sivil di Kuala Lumpur, Malaysia, untuk mendapatkan pandangan tentang tanggapan dan sikap berkaitan dengan soalan penyelidikan serta mengesahkan dapatan daripada kajian literatur
- ◆ 12 temu bual pemberi maklumat utama (*key informant interview* atau KII) bersama dengan pakar terpilih untuk mendapatkan kefahaman dan perspektif yang lebih terperinci tentang soalan penyelidikan dan mengesahkan dapatan daripada kajian literatur dan perbincangan kumpulan berfokus.

Analisis Data

Menggunakan pendekatan pengkodan bertema, data primer yang dikumpulkan melalui KII dan FGD dikodkan menggunakan perisian analisis kualitatif, Dedoose, oleh pasukan pengkod daripada pasukan penyelidik (Hedayah dan perunding). Pengkodan dijalankan secara deduktif berdasarkan buku kod yang dibangunkan oleh pasukan penyelidik. Pendapat daripada pakar luar juga diperoleh untuk mengesahkan dapatan dan tema, yang kemudiannya digunakan untuk menyediakan draf Laporan ini.



3. DAPATAN PENTING

3. Dapatan Penting

Dapatan penyelidikan dibentangkan di bawah dengan membahagikan soalan penyelidikan utama kepada tiga bahagian. Bahagian pertama meneliti landskap media dan maklumat sedia ada di Malaysia serta cara ruang itu dimanfaatkan oleh pelampau dalam penyebaran kandungan. Bahagian kedua pula memberikan tumpuan terhadap ancaman baru muncul dalam talian dengan mengkaji trend semasa dan perkembangan yang paling menonjol. Bahagian akhir pula meneliti gerak balas sedia ada oleh pengamal kerajaan dan bukan kerajaan, serta cabaran utama dan keperluan penting untuk tindakan masa depan dalam hal ini.

3.1. Penggunaan Landskap Maklumat oleh Pelampau

Bahagian pertama laporan ini menjawab soalan penyelidikan berikut:

Bagaimanakah landskap media dan maklumat sedia ada menyumbang kepada penyebaran kandungan berbahaya melalui platform dalam talian?

Bahagian ini menyelidiki keadaan semasa landskap dalam talian di Malaysia berdasarkan pandangan pakar tempatan serta literatur sedia ada untuk memahami dengan lebih baik cara pertubuhan pelampau menggunakan ruang digital untuk komunikasi, penyelarasan, pengambilan ahli dan meradikalkan ahli.

3.1.1. Landskap Maklumat Dalam Talian dan Penggunaan oleh Pelampau

Persekitaran digital Malaysia yang sangat terhubung – yang dicirikan oleh capaian Internet yang meluas dan penggunaan media sosial yang tinggi – menjadi medan subur untuk disalahgunakan oleh pelampau. Dianggarkan bahawa 96% golongan belia di Malaysia mempunyai keterhubungan dalam talian (MLY11), menjadikan ruang digital negara ini semakin dipenuhi dengan pelbagai bentuk kandungan, termasuk naratif berasaskan agama, politik dan identiti. Penting juga disedari bahawa kehadiran dalam talian kini merentasi semua kumpulan umur dengan “semakin banyak individu daripada pelbagai demografi berada di Internet”, menunjukkan landskap digital (MLY9) semakin meluas. Pelampau mengambil kesempatan ini dengan menyesuaikan strategi pengambilan ahli dan propaganda mereka mengikut dinamika platform popular dengan cara yang paling berkesan untuk “menyemai benih radikalisme dan fahaman pelampau” dalam kalangan penduduk tempatan (Satria et al., 2024, hlm. 22). Pakar yang ditemu bual turut menekankan bahawa lokasi warganegara Malaysia kini tidak lagi memainkan peranan, kerana mereka yang tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman juga boleh terjerat dengan proses meradikalkan individu hasil pendedahan terhadap kandungan berbahaya dan melampau. Walaupun ruang dalam talian nampak semakin popular sebagai wadah utama untuk penyebaran maklumat dan pengambilan ahli oleh pelampau, terdapat juga kumpulan tempatan yang masih cenderung menggunakan kaedah pengambilan ahli yang lebih tradisional dan luar talian (MLY3).

Pelampau dan pelaku berniat jahat yang lain telah menggunakan ekosistem digital yang semakin berkembang ini untuk menyokong aktiviti mereka – menyebarkan naratif, menarik lebih banyak penyokong, mengumpulkan dana dan berkomunikasi sesama ahli kumpulan. Taktik mereka sering melibatkan pengukuhan secara strategik kepada rungutan setempat yang sedia ada seperti ketidaksamaan ekonomi, rasuah dan peminggiran sosiopolitik, serta berusaha mewujudkan atau memburukkan lagi perpecahan sosial dengan kempen maklumat palsu, serangan penghasutan dalam talian bersasar dan “serangan DDoS dan pencacatan laman web” (Bradley, 2025, hlm. 78). Sesetengah pakar mencadangkan bahawa saluran media massa menyumbang kepada masalah ini – tajuk utama yang berunsur umpan klik, penggunaan imejan yang memecahbelahkan, dan kekurangan perspektif berbeza dalam liputan isu sensitif boleh mengukuhkan sikap berat sebelah sedia ada dan melebarkan jurang sosial (Mohd Nor, 2024).

3.1.2. Naratif

Naratif dan propaganda pelampau kekal sebagai cabaran berterusan secara global, termasuk di Malaysia, memandangkan perkara ini menjadi alat berpengaruh yang digunakan untuk meradikalkan individu dan memburukkan perpecahan masyarakat. Naratif ini dibangunkan secara strategik dan disebarkan secara meluas di platform digital, dengan mengeksploitasi rungutan setempat, ketegangan kaum dan agama, serta peristiwa global yang lebih meluas untuk mewajarkan keganasan dan menggerakkan sokongan. Responden temu bual menyatakan bahawa walaupun pihak berkuasa berjaya melumpuhkan struktur luar pertubuhan pelampau – seperti menangkap pemimpin atau membekukan aliran kewangan – kewujudan ideologi mereka terus berakar dalam ekosistem dalam talian (MLY3). Pelampau di Malaysia bijak menggunakan maklumat salah dan maklumat palsu yang sering

disulami dengan unsur budaya setempat serta politik berasaskan identiti, untuk mengukuhkan naratif mereka dan memanipulasi pendapat awam. Kefahaman tentang taktik naratif setempat dan maklumat palsu yang sedang berkembang ini amat penting untuk merangka langkah balas yang berkesan serta memperkukuh daya tahan sosial.

Naratif Setempat

Di Malaysia, naratif setempat yang berkaitan dengan identiti, agama dan semangat kebangsaan terus menjadi tema utama yang digunakan oleh pelampau. Meskipun seruan terbuka terhadap keganasan tidak sentiasa menjadi teras gerakan ini, naratif yang disebarkan bertujuan menanam ideologi sempit dan memburukkan lagi ketegangan serta perpecahan masyarakat. Kini, Malaysia menyaksikan semakin banyak naratif kaum dan semangat kebangsaan digandingkan dengan ketuanan agama. Gerakan ini, dalam konteks Malaysia, sering dirujuk sebagai pelampau berhaluan kanan dan kajian mendapati kumpulan ini menggunakan perpecahan kaum dan agama di Malaysia untuk meneruskan agenda dan pengaruh mereka di negara ini (Yunus, 2022). Fahaman teras gerakan ini berpaksikan agama Islam dan ketuanan Melayu yang didukung oleh naratif sejarah dan agama yang mengaitkan identiti Melayu dengan Timur Tengah (Mustaffa, 2022). Melalui naratif sebegini, kumpulan pelampau menolak sesiapa sahaja yang bukan daripada kalangan mereka, menyasarkan individu itu di platform digital, termasuk mereka yang mencabar norma konservatif. Mesej mereka selalunya diperbesarkan melalui taktik “penyebaran silang” (*cross-pollination*), iaitu kandungan disebarkan merentas pelbagai akaun dan platform untuk memperluas penerapan dan penyebaran fahaman mereka menerusi landskap digital. Perbincangan kumpulan pelampau di Malaysia lazimnya berkisar tentang isu sensitif seperti kaum dan agama, yang sering dimanipulasi untuk membina jurang dalam masyarakat. Seorang pakar menyatakan bahawa sesuatu yang pada awalnya tampak seperti pendedahan identiti yang biasa boleh berkembang dengan cepat menjadi seruan penguasaan (MLY11).

Naratif setempat di Malaysia turut menggabungkan politik identiti dengan kempen ekonomi untuk menyebarkan ideologi dan mengukuhkan kehadiran mereka. Pakar tempatan memberikan contoh gerakan seperti “Belilah Produk Muslim (*Buy Muslim First* atau BMF)” dan perniagaan seperti “Malakat Mall”, yang pada zahirnya berlandaskan kebersamaan umat Islam, namun terselindung hasrat penguasaan ekonomi serta pengasingan kumpulan dan agama lain (MLY1). Walaupun kempen ini berbentuk jangka pendek, ia memberikan kesan budaya yang berpanjangan. Seorang responden menyatakan gerakan ini kelihatan tidak berbahaya pada awalnya tetapi boleh berubah menjadi naratif politik pengasingan dan ketuanan (ibid). Usaha kumpulan pelampau berhaluan kanan ini semakin menyerlahkan diri mereka sebagai entiti yang berinstitusi dan profesional untuk mengesahkan ideologi mereka. Mereka memanfaatkan saluran seperti WhatsApp, Telegram, Facebook dan TikTok untuk menyebarkan kandungan secara meluas dalam usaha menarik pengikut yang sederhana, sebelum mengenal pasti dan mempengaruhi individu yang lebih sehaluan dengan ideologi mereka agar terlibat dengan lebih giat – meniru taktik pengambilan yang pernah digunakan oleh kumpulan seperti Jemaah Islamiyah (JI) dan Daesh (ibid). Pengaruh besar pelampau berhaluan kanan dalam ruang dalam talian di Malaysia turut dibantu oleh pengendali digital dikenali sebagai tentera siber dan pasukan penghasut dalam talian. Pelaku ini menggunakan taktik menyerang beramai-ramai untuk memarakkan perbincangan, mengecam pihak yang berbeza pandangan dan memutarbelitkan naratif untuk menyokong agenda pelampau. Personaliti mikro dan mempengaruhi media sosial turut didaftarkan untuk mengendalikan dan memperkuat kempen ini, menyebabkan perbezaan antara pendapat jujur dengan propaganda terancang semakin kabur (Mustaffa, 2022).

Pakar turut menegaskan bahawa selain naratif ideologi politik, kumpulan pelampau di Malaysia juga sering berpegang pada pandangan yang melebihkan lelaki dan menggunakan ruang dalam talian untuk mengangkat nilai konservatif yang berpaksikan pemikiran lapuk. Mereka juga dilihat “meminggirkan atau menyisihkan pekerja asing atau pelarian” — terutamanya pekerja Rohingya, Bangladesh dan Nepal — dengan menggambarkan mereka sebagai ancaman kepada masyarakat tempatan dan melabelkan mereka sebagai “Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)” (ibid, hlm. 17).

Naratif pelampau dalam konteks Malaysia banyak dipengaruhi oleh pelbagai unsur ideologi seperti fahaman pelampau berlandaskan agama, semangat kebangsaan berdasarkan kaum dan agama, serta pemikiran yang meletakkan suatu jantina sebagai pihak yang berkuasa penuh. Naratif ini sering kali disebarkan melalui platform digital. Walaupun ancaman militan sedia ada masih wujud, satu lagi ancaman ialah penormalan naratif ketuanan yang disalahgambarkan sebagai unsur jati diri, budaya dan kepercayaan setempat. Dalam persekitaran yang sedang berubah ini, ruang digital menjadi medan pertempuran dan medan penyebaran ideologi politik yang menjejaskan perpaduan sosial di Malaysia.

Maklumat Palsu dan Maklumat Salah

Seperti pertubuhan pelampau lain, kumpulan pelampau di Malaysia semakin banyak menggunakan kempen penyebaran maklumat palsu untuk mengukuhkan naratif mereka dan memanipulasi sentimen awam supaya memihak kepada mereka. Naratif dan kempen pelampau di Malaysia biasanya terlalu bersifat setempat; menggunakan isyarat budaya, lambang agama, bahasa dan loghat daerah untuk mencuit emosi khalayak sasaran dan pada masa yang sama, mengelak daripada dikesan oleh moderator platform. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pelampau berhaluan kanan di Malaysia menggunakan cara mengimbuai sejarah – mengagungkan kerajaan Melayu lama dan memutarbelitkan penulisan sejarah negara – untuk mengukuhkan ideologi nasionalis dan ketuanan (Mustaffa, 2022). Contohnya, seorang responden temu bual berkongsi tentang kes penyebaran maklumat palsu berkaitan dengan penguasaan Pasar Borong Selayang oleh pendatang Rohingya dan Bangladesh. Maklumat palsu ini tersebar dengan pantas di media sosial dan mencetuskan kemarahan orang ramai, membuktikan betapa cepatnya kesan maklumat palsu di dunia digital (MLY12) tersebar.

Penggerak utama di sebalik kempen penyebaran maklumat palsu dalam talian ini ialah kumpulan yang dikenali sebagai tentera siber atau “*cytro*” – iaitu aktivis digital yang menggunakan pelbagai taktik seperti ucapan kebencian, pelabelan orang sebagai musuh (*red-tagging*), dan penyebaran konspirasi untuk mengganggu perpaduan sosial setempat serta mewajarkan dasar diskriminasi (Mustaffa, 2024). Antara contoh aktiviti mereka termasuk menyasarkan Pilihan Raya Umum 2013, dengan menyebarkan maklumat palsu kononnya puluhan ribu warga Bangladesh diterbangkan untuk mengundi parti pemerintah. Naratif ini mencetuskan gangguan kepada individu yang disangka sebagai warga asing (Yatid, 2019). Walaupun tentera siber tidak semestinya bernaung bawah mana-mana gerakan pelampau, akibat daripada aktiviti mereka boleh memburukkan lagi perpecahan dalam masyarakat, yang akhirnya mencetuskan idea pelampau dan radikal. Dengan keadaan politik Malaysia yang kian berubah, taktik seperti ini dijangka akan terus digunakan dan menjadi ancaman berterusan terhadap ekosistem dalam talian setempat.

Naratif Hal Ehwal Global

Mengeksploitasi isu antarabangsa sebagai naratif untuk menggerakkan sokongan ialah taktik yang telah lama digunakan oleh kumpulan pelampau di seluruh dunia. Ketika ini, pelampau di Malaysia dilihat semakin giat memanfaatkan konflik di Timur Tengah untuk membina naratif radikal yang menggabungkan emosi, ideologi dan hujah yang dirasakan munasabah. Menurut seorang pakar, naratif seperti ini lazimnya berkembang mengikut suatu pola yang dikenali sebagai “model radikalisation empat kuadran” (MLY13). Kuadran pertama dikenali sebagai radikalisation kognitif, iaitu apabila rungutan politik global digunakan sebagai alasan untuk mewajarkan keganasan (“mereka menindas kita”, jadi “kita perlu membalas”). Berikutnya ialah radikalisation emosi, iaitu apabila rayuan emosi terhadap penderitaan yang dialami oleh kelompok tertentu diperkukuh dengan kerangka keagamaan. Mereka menggunakan rujukan ayat suci dan pandangan ulama untuk menguatkan sentimen ini, menyemai pemikiran dan emosi hingga ia bergabung, seterusnya membentuk radikalisation berasaskan tindakan. Pendedahan kepada naratif sedemikian memudahkan lagi berlakunya proses ini (ibid).

Proses ini sebahagian daripada corak radikalisation yang dikenali sebagai “*Glorecal*” – iaitu gerakan yang “diwujudkan secara setempat, dihubungkan secara serantau dan diilhamkan secara global” (ibid). Pelampau mendapatkan inspirasi daripada naratif pelampau luar negara dan membina hubungan serantau, untuk memasukkan isu antarabangsa ke dalam konteks tempatan. Sebagai contoh, pejuang asing dari Malaysia, Mohd Lotfi Ariffin, tidak secara langsung menyeru keganasan dalam negara tetapi menggesa pengikutnya berhijrah ke Syria, dengan menggambarkan konflik di sana sebagai jihad menentang kezaliman (Yasin, 2017). Selain itu, pelaku tunggal yang terpengaruh dengan rungutan kebendaan dan rungutan global Daesh telah melancarkan serangan dalam negara, menunjukkan betapa keadaan politik antarabangsa boleh menjadi pemangkin utama dalam landskap pelampau di Malaysia (MLY13). Kejadian seperti ini boleh turut dimanfaatkan oleh kumpulan tempatan untuk menguatkan kewujudan dan naratif mereka. Contohnya, rangkaian Hizb ut-Tahrir Malaysia (HTM) menolak sistem demokrasi sekular dan pengaruh Barat, sebaliknya menyeru supaya sistem khalifah Islam secara global yang dikawal oleh undang-undang syariah diwujudkan (Satria et al., 2024). Walaupun pelbagai aktiviti dan kewujudan HTM disekat secara separa oleh kerajaan, kumpulan ini mengalihkan kewujudannya dalam talian, menggunakan isu global seperti konflik Timur Tengah untuk menggerakkan sokongan dan mengukuhkan mesej ideologi mereka di Malaysia (Fakirra, 2024).

3.2. Ancaman Baru Muncul Dalam Talian

Seperti di tempat lain di dunia, pengamal barisan hadapan di Malaysia sedang menyaksikan ekosistem dalam talian yang berkembang dengan pesatnya, dengan pelaku pelampau keganasan sentiasa menyesuaikan taktik mereka dengan platform, teknologi dan kelemahan baharu. Trend baru muncul ini termasuklah peralihan penggunaan platform (seperti peningkatan penggunaan TikTok, Instagram dan aplikasi pesanan yang disulitkan), kepada teknik penyebaran terbaharu, kaedah pengumpulan dana, serta penggunaan teknologi mutakhir seperti permainan video dalam talian dan kecerdasan buatan. Dalam konteks Malaysia, keupayaan dalam kumpulan CEVE masyarakat sivil yang masih dalam peringkat awal dan pendekatan peraturan kandungan yang digerakkan oleh kerajaan, mempengaruhi cara trend ini dilaksanakan dan ditangani. Walaupun pihak berkuasa mengekalkan kawal selia yang ketat terhadap kandungan yang jelas berkaitan dengan keganasan, namun pelaku berniat jahat masih berjaya memintas kawalan dan bergerak lebih pantas daripada gerak balas kerajaan atau masyarakat sivil. Bab ini cuba menjawab persoalan berikut:

Apakah trend baru muncul yang berkaitan dengan ekosistem dalam talian yang perlu dikenal pasti oleh pengamal barisan hadapan dan dianggap paling penting untuk ditangani?

Bahagian ini membincangkan penggunaan platform yang paling dominan, perubahan taktik musuh, mekanisme penyebaran, kaedah pendanaan, teknologi baru muncul yang sedang digunakan, dan teknologi baru muncul yang lain.

3.2.1. Penggunaan Platform Dominan dan Perubahan Taktik Musuh

Taktik Semasa dan Penggunaan Platform

Sama seperti di tempat lain di rantau ini, pakar barisan hadapan di Malaysia menekankan kepentingan platform media sosial seperti TikTok dan Instagram sebagai saluran penyebaran kandungan pelampau. Platform terfokus visual dan berasaskan pengesyor algoritma ini mempunyai pangkalan pengguna belia yang besar, menjadikannya menarik untuk menyebarkan naratif. Video TikTok yang memaparkan ceramah agama bersifat hasutan sangat popular: “Wujud kebimbangan terhadap video di TikTok. Kadang-kadang hanya ceramah atau ucapan... Bagi sesetengah orang, mereka hanya bercakap, tetapi... [yang lain] menganggap individu ini menyebarkan kebencian” (MLY4). Kandungan video pendek sebegini boleh mengaburkan perbezaan antara dialog penuh semangat dengan ucapan kebencian oleh pelampau, dan dengan mudahnya tular di platform tersebut. Seorang lagi pengamal menegaskan betapa luasnya penggunaan TikTok di Malaysia: “TikTok ada di mana-mana. Sesiapa sahaja yang ada TikTok boleh menjadi pencipta kandungan. Bagaimanakah kita hendak membanteras perkara ini?” (MLY3). Penciptaan kandungan yang begitu mudah di platform seperti TikTok (dan juga Instagram Reels) memberikan cabaran kepada pihak berkuasa. Mesej pelampau boleh tersebar dengan pantas sebelum sempat dikesan. Platform ini yang mengutamakan kandungan yang pendek dan menarik ini sedang giat dimanipulasi untuk menyampaikan mesej berbau perpecahan.

Namun begitu, para pengamal mengingatkan supaya kita tidak terlalu menumpukan perhatian kepada satu platform sahaja sebagai “punca” penyebaran maklumat palsu atau fahaman pelampau. Menurut seorang pakar, pelaku yang berniat jahat tidak bergantung pada satu platform sahaja dan mereka akan “memanfaatkan apa-apa jua ruang yang boleh... pelaku bersifat instrumental – mereka menggunakan apa-apa sahaja yang ada. Kita tidak boleh menganggap satu platform itu lebih banyak maklumat palsu dan maklumat salah berbanding yang lain. Soalan yang patut ditanya adalah: apakah sebenarnya dalam maklumat itu yang membuatkan orang mudah menerimanya?” (MLY12). Dengan kata lain, walaupun TikTok dan Instagram menjadi tumpuan kerana popularitinya, pelampau juga menggunakan platform lain serentak.

Selain platform baharu, media sosial dan platform pesanan tradisional masih digunakan oleh pelampau di Malaysia. Facebook masih digunakan untuk wacana pelampau, khususnya dalam bentuk kumpulan atau halaman yang menyebarkan naratif ultrakonservatif atau penuh kebencian atas nama perbincangan agama. Seorang responden temu bual mendapati akaun palsu juga perkara lazim (MLY2). Begitu juga, video pendek (Reels) yang mengandungi pesanan agama yang tegas sering dikongsi, dan rangkaian akaun palsu yang teratur digunakan untuk menyebarkan mesej itu dan menutup suara yang menentang. Kehadiran penyokong palsu ini mencipta gambaran seolah-olah ramai yang bersetuju, malah boleh mengugut atau mendiamkan pandangan sederhana, sekali gus mengukuhkan idea pelampau dalam masyarakat dalam talian. Walaupun Facebook mempunyai piawaian komuniti, kandungan pelampau yang bertopengkan agama dalam bahasa dan loghat daerah sering terlepas, menunjukkan wujudnya jurang penyederhanaan.

Sementara itu, Telegram kini menjadi platform pilihan untuk komunikasi tertutup, sama ada secara seorang-kepada-ramai atau kumpulan kecil. Menurut responden temu bual, penganjur pelampau sering mengajak pengikut mereka berpindah dari platform terbuka ke forum tertutup. Contohnya, halaman radikal di Facebook menulis arahan seperti

“ikuti saluran Telegram ini” untuk menarik individu yang berminat ke ruang yang lebih selamat (MLY4). Seorang pengamal tempatan mengaku terkejut apabila mengetahui jumlah bahan pelampau yang begitu banyak di Telegram: “Saya rasa [saluran paling popular] ialah Telegram. Saya baru terjumpa satu saluran hari ini [yang] sebelum ini saya tak tahu pun” (MLY11). Kajian menunjukkan bahawa kumpulan pelampau melihat Telegram sebagai hab yang lebih selamat dan bersifat peribadi. Sebagai contoh, penyokong Daesh di Asia Tenggara menggunakan Telegram untuk kumpulan yang ditapis ketat, kerana Telegram dianggap lebih selamat daripada diawasi berbanding dengan media sosial terbuka (Mustaffa, 2022; Mohd Nor & El-Muhammady, 2021). Malah, sejak 2021 lagi, penganalisis mengenal pasti komuniti dalam talian berhaluan kanan di Asia Tenggara yang bukan sahaja menggunakan platform lazim seperti Facebook, X (dahulunya Twitter), dan Instagram, tetapi juga platform tertutup seperti Telegram dan Discord (Basha, 2024). Seorang pakar mendapati bahawa pendekatan Muhammad Wanndy di Telegram menunjukkan betapa “penggunaan strategik bahasa, imej dan rasa kebersamaan yang diwujudkan” (MLY7) berjaya membentuk rasa kekitaan dan matlamat bersama. Dapatan ini membuktikan bahawa pelampau menggunakan ekosistem berbilang platform: menggunakan platform awam untuk jangkauan dan pengambilan individu yang meluas, dan seterusnya memindahkan individu yang terikat atau disaring ketat ke platform tertutup bagi tujuan penyelarasan.

Selain Telegram dan Facebook, platform lain yang memainkan peranan penting, khususnya penggunaan saluran komunikasi dengan penyulitan hujung-ke-hujung (*end-to-end encrypted* atau E2EE). WhatsApp (serta WeChat dan aplikasi sembang yang lain) sangat popular di Malaysia dan digunakan untuk menyebarkan kandungan pelampau melalui kumpulan sembang tertutup atau senarai siaran. Seorang responden temu bual mengesahkan “Terutamanya WhatsApp dan platform pesanan yang disulitkan” popular dalam kalangan kumpulan pelampau untuk berinteraksi dengan ahli mereka (MLY1). Beberapa orang responden temu bual menekankan bahawa kumpulan pelampau yang mahir teknologi secara sengaja mengelakkan forum awam lazim apabila melibatkan penyelarasan atau pengambilan ahli yang sensitif. Sebaliknya, mereka memilih aplikasi dengan penyulitan untuk mengelak daripada pengawasan (MLY4). Keadaan ini mewujudkan “saluran saringan khalayak” – pelampau menggunakan media sosial awam untuk menarik minat awal, kemudian memindahkan perbualan ke dalam kumpulan disulitkan (Telegram, WhatsApp, Signal, dan di sinilah radikalisation berlaku dengan intensif, termasuk pengambilan ahli secara giat, ujian kesetiaan dan perancangan operasi (atau pautan ke pertemuan luar talian). Ringkasnya, pengamal barisan hadapan mendapati bahawa tiada satu pun platform yang terkecuali: rangkaian pelampau menggunakan strategi khusus platform, memanfaatkan pelbagai ciri unik dan demografi pengguna setiap saluran. TikTok dan Instagram digunakan untuk jangkauan yang meluas melalui video tular; Facebook menyediakan jangkauan luas dalam kalangan khalayak umum dan keupayaan membentuk kumpulan; Twitter/X digunakan untuk kempen terselaras secara pantas; manakala Telegram/WhatsApp/Signal menawarkan privasi untuk proses pendoktrinan yang lebih mendalam.

Mekanisme Peluasan Kandungan

Pelaku pelampau juga memanipulasi mekanisme peluasan untuk memaksimumkan jangkauan dan pelibatan mereka dalam talian. Di negara seperti Malaysia yang mempunyai kawalan yang agak ketat terhadap kandungan yang jelas melampau, taktik begini sangat penting bagi pelaku ini mengelakkan kandungan mereka dipadam dengan cepat. Seorang pakar menjelaskan bahawa “pelaku berniat jahat akan memanfaatkan apa-apa jua ruang yang boleh” (MLY12) dan menggunakan segala helah untuk memastikan kandungan mereka dapat terus dicapai dan tersebar luas. Pelampau mengelak sistem penyederhanaan kandungan dengan pelbagai teknik. Menurut penyelidikan terkini, “kumpulan pelampau telah menemukan cara untuk mengelak daripada dikesan semasa penyebaran kandungan radikal dalam talian dengan memintas sistem penyederhanaan, dengan menggunakan alat Kecerdasan Buatan (AI) untuk menghasilkan pelbagai versi propaganda yang direka khusus untuk melepasi teknik yang dilaksanakan melalui penguatkuasaan undang-undang” (Wan Rosli, 2024, hlm. 53f). Hal ini termasuk menghasilkan pelbagai salinan video atau imej dengan sedikit perubahan secara automatik, supaya jika satu kandungan gagal, kandungan lain boleh melepasi penapis kandungan. Pemerhati di Malaysia bersetuju bahawa taktik mengelak sedemikian semakin meningkat, termasuk dalam loghat daerah dan konteks budaya setempat yang sering tidak dapat dikesan oleh sistem penyederhanaan automatik (yang lazimnya dilaraskan untuk bahasa Inggeris). Sebagai contoh, mereka menyebarkan propaganda khusus dalam loghat daerah atau yang membawa unsur budaya (seperti meme dalam loghat daerah atau video dengan rujukan agama setempat) mungkin tidak mengaktifkan sistem penyederhanaan global dengan mudah, dan melepasi radar sehingga berjaya meraih perhatian luas.

Satu lagi cara ialah menyamarkan kandungan pelampau supaya kelihatan seperti bahan yang baik atau bahan lazim. Pengamal di Malaysia menunjukkan beberapa contoh mesej ideologi yang disisipkan dalam format budaya popular – yang disebut sebagai “merampas budaya popular” seperti permainan video (MLY4). Satu contoh serantau ialah penggunaan lagu nasyid (sejenis muzik keagamaan) untuk menyebarkan ideologi Daesh di platform seperti Facebook, YouTube dan Instagram: satu rangkaian dikenali sebagai Upheerog Media “mengangkat ideologi IS



melalui lagu” yang dimuatkan secara terbuka, sekali gus mengelak penapisan melalui penggunaan seni, bukan slogan yang nyata (Hasbi & Mok, 2023, hlm. 5). Dengan pendekatan sama, pelampau mengeksploitasi trend dan tanda pagar (*hashtag*) tidak berbahaya atau melabelkan kumpulan mereka dengan nama yang baik supaya tidak dikesan oleh algoritma atau pemerhati biasa (Dass, 2025). Seorang responden Malaysia menyifatkan taktik ini sebagai usaha untuk kekal “relevan” dengan budaya dalam talian semasa: pencipta kandungan pelampau akan memanfaatkan apa-apa sahaja yang sedang tular atau sudah biasa kepada pengguna, supaya kandungan mereka kelihatan serasi dan lebih mudah dikongsi (MLY4). Taktik ini merangkumi penggunaan muzik tular, rujukan kepada permainan Roblox, atau meme yang dimuatkan dengan elemen propaganda. Dengan cara ini, kandungan tersebut membawa maksud bagi mesej pelampau, tetapi kaedah penyampaiannya kelihatan menghiburkan, oleh itu ia melepasi penyederhanaan dan menarik minat khalayak yang lebih luas.

Selain penyamaran kandungan, kumpulan pelampau turut memperluas jangkauan mereka melalui tingkah laku terselaras yang tidak tulen, seperti menggunakan rangkaian akaun palsu dan perisian bot. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, seorang pengamal barisan hadapan mendapati pelampau sering memiliki “akaun palsu yang menyokong hujah mereka” (MLY2). Dengan membanjiri ruangan komen atau menaikkan bilangan suka dan perkongsian melalui pelbagai akaun palsu, mereka mencipta gambaran seolah-olah wujud persetujuan secara meluas atau gerakan akar umbi. Taktik ini boleh mengelirukan algoritma platform untuk terus menaikkan kandungan tersebut (kerana kadar pelibatan tinggi ditafsirkan sebagai populariti, bukan manipulasi), suatu kelemahan dalam penguatkuasaan penyederhanaan yang lazimnya menumpukan bahan kandungan semata-mata dan bukan corak tingkah laku. Akibatnya, berlaku kesan penggandaan: mesej itu tersebar luas secara algoritma dan menjangkau pengguna yang ramai sebelum platform menyedari bahawa pelibatan itu sebenarnya dihasilkan melalui rekaan.

Tambahan pula, pelampau mengambil kesempatan daripada apa-apa kelemahan sistem penyederhanaan kandungan. Walaupun ruang digital di Malaysia dikawal ketat, penguatkuasaan jarang dilakukan dengan segera. Seorang responden menyatakan bahawa taktik baharu sering mendahului usaha pengesanan, dan akhirnya apabila tindakan diambil, “selalunya sudah terlambat” (MLY2). Pelaku pelampau memanfaatkan tetingkap ini dengan memuat naik kandungan yang bersifat sementara (seperti siaran langsung atau cerita yang akan terpadam) serta memuat naik semula kandungan yang dipadam menggunakan akaun baharu. Penstriman langsung menjadi masalah yang timbul dalam hal ini: “penstriman langsung sangat sukar dikawal, bukan sahaja kerana berlaku secara langsung, tetapi juga kerana pertuturan lisan sukar dikesan melalui langkah pengesanan... siaran boleh lenyap selepas ia tamat, menjadikannya hampir mustahil untuk dianalisis melainkan ditonton secara langsung” (Schlegel, 2021, hlm. 6). Selain itu, jika satu akaun disekat, mereka biasanya mempunyai akaun atau saluran simpanan untuk terus bersiaran, sekali gus mengatasi tindakan penguatkuasaan dengan berkesan dan mengelak daripada disekat sepenuhnya.

Kaedah Pembiayaan

Pengamal barisan hadapan di Malaysia menyatakan bahawa apabila teknologi kewangan (*fintech*) berkembang, kaedah kumpulan pelampau mengumpulkan, memindahkan dan menggunakan dana juga berubah. Kaedah lama seperti kutipan wang tunai atau rangkaian hawala (rangkaiannya pemindahan wang tidak rasmi) kini semakin diperkukuh, malah kadang kala digantikan dengan pengumpulan dana secara dalam talian, transaksi digital, malah menjana kewangan melalui platform permainan video. Di Malaysia, kerajaan mengawal selia saluran kewangan rasmi dan mengharamkan penggunaan mata wang kripto melalui platform yang tidak diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Walau bagaimanapun, pelampau tetap mencari jalan untuk mengelak sekatan ini dengan memanfaatkan platform yang lebih baharu serta kelemahan dalam rangka kerja kawal selia (Zahari et al., 2023).

Sebagai contoh, kumpulan pelampau dan yang mempunyai kaitan dengan pengganas menggunakan rayuan kemanusiaan di media sosial dan platform penstriman untuk meminta sumbangan daripada orang ramai. Mereka memuat naik gambar dan video keluarga yang menderita untuk membangkitkan rasa simpati dan memujuk orang ramai supaya menderma, sambil mendakwa bahawa dana itu akan digunakan untuk bantuan kemanusiaan. Menurut seorang penyelidik, “kaedah kutipan dana orang ramai secara terbuka (*crowdfunding*) kini menjadi perkara biasa,” dengan gambar kanak-kanak yang kekurangan zat makanan atau mangsa bencana digunakan untuk meraih simpati, kemudian sumbangan disalurkan kepada pertubuhan yang berkaitan dengan fahaman pelampau (Zahari et al., 2023, hlm. 9). Di Malaysia dan rantau ini, kempen seperti ini sering digerakkan atas nama bantuan untuk zon konflik, tetapi sebahagian daripada hasilnya mungkin disalurkan kepada pertubuhan pelampau. Oleh sebab dilakukan secara dalam talian, rayuan ini dapat menjangkau khalayak yang besar dengan pantas dan mendapat sumbangan secara langsung melalui sistem pembayaran yang bersepadu dengan platform berkenaan. Tanpa penyiasatan mendalam, pegawai penguatkuasa sering menghadapi kesukaran untuk membezakan antara badan amal yang tulen dengan kutipan dana untuk pelampau.

Dengan kemunculan pelbagai aplikasi kewangan mudah alih, pertukaran mata wang dalam talian dan mata wang kripto, kumpulan pelampau juga mempunyai banyak saluran baharu untuk memindahkan wang. Pihak berkuasa Malaysia melihat peningkatan minat yang mendadak terhadap aplikasi pertukaran mata wang asing, pertukaran kripto, malah aplikasi peminjaman digital (Zahari et al., 2023). Walaupun undang-undang Malaysia mengehadkan platform kripto yang sah dan secara rasmi mengharamkan mata wang kripto sebagai alat pembayaran yang sah di negara ini, banyak aplikasi antarabangsa masih boleh diakses melalui gedung aplikasi. Jurang kawal selia ini boleh mewujudkan cabaran kepada keupayaan penguatkuasaan. Apabila terlalu ramai pengguna menggunakan platform ini, ia “menjadi cabaran kepada sumber agensi penguatkuasaan” (ibid, hlm. 11). Rangkaian pelampau boleh mengambil kesempatan dengan menghantar atau menerima dana melalui aplikasi yang hanya dikawal selia secara separa dan beroperasi di luar pengawasan pihak berkuasa kewangan tempatan.

Lebih ramai pengamal yang lebih mahir dalam teknologi beralih ke forum laman web gelap untuk mengutip dan menyembunyikan dana. Di forum darknet yang dihoskan oleh Tor, sesetengah pertubuhan meminta derma dalam bentuk Bitcoin atau Monero, menjalankan skim peras ugut dalam talian, malah terlibat dalam perdagangan haram (seperti pemerdagangan manusia, perdagangan senjata dan lain-lain) untuk membiayai aktiviti mereka (Sulaimarl & De Lang, 2024, hlm. 25). Kaedah ini lebih menarik kerana transaksi kripto menyediakan tahap ketanpanamaan tertentu, manakala laman web gelap berfungsi sebagai pasaran sulit yang sukar diawasi melalui penguatkuasaan undang-undang. Walaupun data tentang fahaman pelampau dari Asia Tenggara di laman web gelap masih terhad, bukti sedia ada menunjukkan ia wujud dan mungkin berkembang dalam skopnya dalam tempoh terdekat (UNODC, 2020; Sulaimarl & De Lang, 2024). Setakat ini, pelampau Malaysia belum banyak terlibat secara ketara dalam kes pembiayaan keganasan yang berkaitan yang direkodkan. Namun demikian, badan pemantau serantau tetap berwaspada terhadap sempadan ini memandangkan kadar penggunaan Internet dan tahap kemahiran teknikal semakin meningkat. Sifat Tor yang tidak terpusat dan dilindungi dengan penyulitan menyukarkan penguatkuasaan undang-undang merentas bidang kuasa, sekali gus menekankan keperluan kerjasama antarabangsa dan keupayaan siasatan siber yang lebih maju.

Penyelidikan terbaharu menunjukkan permainan video dalam talian boleh digunakan untuk tujuan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Kegiatan ini boleh dilakukan melalui perdagangan item dalam permainan, penjualan permainan sebenar, atau penggunaan ciri penajaan pendapatan dalam penstriman langsung (Lamphere-Englund & Thompson, 2024; White et al., 2024; Lamphere-Englund & White, 2023). Contohnya, pelampau boleh menukar wang haram kepada mata wang dalam permainan atau item berharga dalam permainan menggunakan “mule” (orang tengah), kemudian menukar atau menjualnya kepada pemain lain yang tidak mengetahui asal usul dana tersebut untuk mendapatkan wang sebenar, maka dana itu “dibersihkan”. Banyak permainan menggunakan penukaran mata wang maya atau pasaran dagangan daripada pemain kepada pemain yang sering tidak mematuhi piawaian antipengubahan wang haram (*anti-money laundering* atau AML) (Kelly, 2021). Kekurangan pengawasan ini merupakan kelemahan untuk digunakan: terdapat bukti pelampau menggunakan penjualan item maya untuk mendapatkan mata wang kripto atau mata wang fiat (ibid). Selain itu, platform penstriman langsung yang dipautkan dengan permainan (seperti Twitch atau YouTube Gaming) membolehkan penonton memberikan derma atau “hadiah” kepada penstrim. Seorang propaganda pelampau boleh menyamar sebagai penstrim permainan video dan mendapat derma untuk membiayai agenda mereka – malah, terdapat kes pelaku berhaluan kanan mengutip dana melalui penstriman sambil menyebarkan mesej pelampau (Jost dan Sick, 2024; Fielitz, Marcks dan Bitzmann, 2023). Bahkan penjualan permainan video yang dihasilkan sendiri oleh kumpulan pelampau atau pengganas boleh digunakan untuk mengutip dana, seperti kes kumpulan Hezbollah dan beberapa kumpulan neo-Nazi yang diharamkan (Lamphere-Englund & Thompson, 2024). Bagi pelaku pelampau di Malaysia, penggunaan pasaran permainan global atau persekitaran permainan dalam talian tempatan serta penstriman langsung boleh menjadi cara baru muncul untuk menjana dana dan menjangkau khalayak baharu secara tersembunyi.

3.2.2. Teknologi Baru Muncul yang Sedang Digunakan

Pengamal barisan hadapan di Malaysia turut memberikan perhatian kepada teknologi baru muncul yang mewujudkan sempadan baharu untuk dieksploitasi oleh pelampau. Bidang utama yang menjadi tumpuan termasuk permainan dalam talian, kecerdasan buatan (AI) serta pelbagai teknologi lain yang sedang dibangunkan seperti metaverse, laman web gelap dihoskan dan token tidak sepiawai (*non-fungible token* atau NFT). Sedekad yang lalu, alat dan persekitaran ini tidak pernah muncul dalam perbincangan tentang pelampau keganasan, tetapi kini ia menjadi cara moden untuk pelampau meluaskan pengaruh dan operasi mereka. Malaysia, sebagai negara yang masyarakatnya terhubung melalui teknologi, dengan penggunaan media sosial yang meluas dan populasi golongan belia, dilihat berisiko dengan perkembangan ini. Pihak berkuasa dan masyarakat sivil di Malaysia mengakui dan sedang meneliti ancaman baru muncul ini (MLY3).

Permainan Video (Gaming)

Ekosistem permainan video — yang merangkumi permainan video, platform berbilang pemain dalam talian dan media sosial berpusatkan permainan video — kini menjadi arena baharu yang penting untuk kegiatan pelampau. Di Malaysia, permainan video sangat popular dalam kalangan belia, dengan anggaran 15–20 juta orang pemain terlibat dalam pelbagai jenis permainan, daripada permainan telefon pintar, permainan dengan peranti konsol, hinggalah e-sukan (Newzoo, 2020; ZCOM Engagement Lab, 2023). Pemerhati barisan hadapan mencatatkan bahawa pelampau melihat peluang di sini untuk menyelitkan naratif ke dalam ruang yang padanya golongan muda mungkin kurang berwaspada. Seorang responden temu bual menyatakan wujud trend cubaan baru muncul yang cuba menjadikan fahaman pelampau seperti permainan (*gamify*) untuk menarik minat golongan muda Malaysia melalui media interaktif. Keadaan ini menunjukkan realiti tentang ancaman baru muncul yang semakin kritikal: pelampau tidak hanya menggunakan teks dan video, tetapi turut memanfaatkan dunia permainan yang imersif dan dekat di hati pengguna untuk meradikalkan individu secara lebih halus (dan menghiburkan). Fenomena ini sejajar dengan trend global sepanjang 30 tahun lalu, apabila lebih 150 permainan yang mengandungi unsur fahaman pelampau dan keganasan dihasilkan, dengan kebanyakannya dihasilkan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini (Lamphere-Englund & Thompson, 2024).

Selain permainan fahaman pelampau yang khusus, terdapat bukti bahawa pelampau mengeksploitasi platform dan budaya permainan lazim. Menurut penyelidikan terkini, banyak platform permainan dan platform berkaitan permainan (seperti Steam) mempunyai penyederhanaan yang terhad terhadap kandungan pelampau dan biasanya tidak dikawal rapi seperti platform media sosial (Lamphere-Englund & White, 2023). Pelaku pelampau boleh mengeksploitasi ciri komunikasi dalam permainan dan hab komuniti permainan sebagai saluran untuk pengambilan ahli dan propaganda. Perhatian beralih kepada eksploitasi tersebut, terutamanya selepas pihak berkuasa Singapura menahan dua orang remaja di negara itu yang mencipta senario latihan Daesh dalam permainan Roblox pada tahun 2023 (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura, 2023). Perlu diingatkan bahawa “seimbang dalam permainan lazimnya kurang penyederhanaan berbanding platform media sosial dan aplikasi mesej tanpa penyulitan yang lain” (Lamphere-Englund & White, 2023, hlm. 19), sekali gus menyediakan cara terselindung untuk menyebarkan ideologi semasa sesi permainan. Sesi berbilang pemain dalam permainan popular boleh memberikan peluang bagi petugas pengambilan ahli penganas, atau cuma individu yang terinspirasi dengan ideologi, berkawan dengan pemain muda dengan bertopengkan persahabatan dalam permainan. Selepas hubungan awal itu terjalin, mereka boleh mengalihkan perbualan ke saluran yang lebih peribadi dan disulitkan seperti Discord, yang memudahkan proses meradikalkan dan mengasingkan individu itu (Kilmer & Kowert, 2024). Begitu juga, sebarang suara dalam permainan atau perkhidmatan seperti PlayStation Network boleh jadi lebih sukar dipantau daripada mesej teks, dan agensi keselamatan telah mengenal pasti cabaran ini — komunikasi audio “meninggalkan kurang bukti yang dapat dijejaki... malah dipercayai oleh sesetengah pihak sebagai lebih sukar dipantau berbanding sebarang peribadi di WhatsApp” (Schlegel, 2021, hlm. 7). Satu kes nyata yang menakutkan ialah kecurigaan bahawa pelaku serangan penganas di Paris pada November 2015 mungkin menggunakan bual suara PlayStation Network untuk menyelaraskan tindakan, sekali gus mengelak daripada dikesan (ibid, 2021). Di Malaysia, dengan komuniti permainan yang semakin berkembang, kemungkinan seperti ini tidak boleh dipandang ringan.

Penggunaan permainan video oleh pelampau dilakukan dalam pelbagai cara: daripada menghasilkan permainan video sendiri atau mengubah suai permainan video dengan jalan cerita pelampau, menyelinap ke dalam ruang sebarang dan forum permainan, menggunakan platform yang berkaitan dengan permainan (seperti pelayan Discord khusus bagi permainan tertentu) untuk menyebarkan propaganda, menggunakan budaya permainan dalam meme dan mesej pengambilan ahli, malah menggunakan unsur permainan untuk menggalakkan penyertaan dalam kegiatan pelampau (Schlegel, 2021; Lamphere-Englund & White, 2023). Responden temu bual di Malaysia menekankan cara sempadan antara komuniti permainan dengan media sosial umum menjadi kabur. Salah seorang responden temu bual menyatakan TikTok semakin popular dalam kalangan pemain untuk penstriman langsung dan perkongsian kandungan di Malaysia (MLY4). Hal ini bermaksud kandungan pelampau yang disebarkan dalam komuniti permainan boleh merebak dengan pantas ke dalam dan dari platform lazim. Menurut responden temu bual itu lagi, subbudaya golongan muda yang berbeza (pemain dan bukan pemain) banyak berinteraksi di ruang dalam talian, jadi jika pelampau menyasarkan mesej kepada pemain, mesej itu juga boleh sampai ke khalayak lebih luas kerana “kumpulan itu juga berinteraksi dengan kumpulan lain” (MLY4). Contohnya, meme yang bermula dalam forum permainan dengan nada pelampau yang halus boleh menjadi tular di X atau Facebook. Secara kritisnya, dengan anggaran 85% golongan muda Malaysia bermain permainan video, penyasaran kepada pemain merupakan taktik yang berkesan bagi kumpulan pelampau yang ingin menjangkau demografi pengambilan ahli yang penting (ZCOM Engagement Lab, 2023).

Satu trend khusus yang disebut oleh pengamal ialah kemasyhuran platform permainan *sandbox* di rantau ini, terutamanya Roblox. Roblox ialah platform permainan dalam talian yang digemari kanak-kanak dan remaja kerana permainan ini

membolehkan mereka mencipta dan berkongsi permainan mini mereka sendiri dan responden temu bual mendapati kesan berpotensi ke atas khalayak muda ini (MLY4). Di tempat lain, pelampau ketuanan kulit putih mencipta kem tahanan dan serangan penganas dalam permainan itu, manakala kes Daesh di Singapura yang disebut sebelum ini menunjukkan penyebaran ideologi melalui platform (Mahmoud, 2023; ADL, 2024). Roblox dan platform serupa seperti Minecraft boleh menempatkan permainan yang, contohnya, mensimulasikan konflik berunsur agama atau perkauman, atau yang mengagungkan wira militan. Hal ini sekali gus menanam benih ideologi pelampau dalam minda yang mudah dipengaruhi dengan bertopengkan permainan. Penerapan unsur permainan dalam propaganda pelampau menjadikannya lebih menarik dan diterima: ia menguasai budaya popular dan hiburan untuk tujuan jahat. Seorang responden temu bual menyatakan, “Dahulu, permainan hanya untuk kelompok kecil, tetapi kini menjadi arus utama. Oleh itu, ia seperti menguasai budaya popular” (MLY4). Propagandis pelampau dan penganas mengambil peluang daripada apa-apa sahaja yang sedang popular dan menyelitkan gagasan mereka, kerana mereka sedar cara itu berkesan untuk menjangkau khalayak secara besar-besaran.

Kecerdasan Buatan

Petugas barisan hadapan di Malaysia bersama-sama rakan sejawat antarabangsa mereka sangat menyedari tentang kegilaan terhadap kecerdasan buatan generatif. Model AI baharu menawarkan alat berkuasa yang boleh digunakan oleh kumpulan pelampau, namun pada masa sama juga boleh menyumbang kepada usaha pencegahan. Kini, alat AI generatif (yang menghasilkan teks, imej, video atau audio) semakin mudah diakses, dan kumpulan pelampau mula mencuba alat ini untuk menguatkan propaganda mereka. Sementara itu, AI analitik (analisis data, algoritma) dapat membantu mereka menyasarkan kumpulan tertentu secara tepat dan mengautomatiskan aspek pengambilan ahli. Seorang responden temu bual yang meneliti implikasi keselamatan negara menyatakan bahawa perbincangan pada peringkat kebangsaan tentang peranan AI dalam radikalisation, pengambilan ahli dan pembiayaan (MLY3) sedang dijalankan, yang seterusnya dimasukkan ke dalam peta hala tuju pembangunan AI kerajaan Malaysia. Pendekatan proaktif ini amat penting, kerana penyelidikan menunjukkan kumpulan penganas menggunakan AI generatif untuk memperkukuh dan menyebarkan propaganda mereka, menjadikannya lebih cekap dan disesuaikan mengikut khalayak tertentu. Contohnya, mereka mencipta imej, video atau audio palsu yang menguatkan mesej dan memanipulasi emosi (Sulaimarl & De Lang, 2024). Satu contoh jelas yang dikemukakan oleh seorang responden temu bual Malaysia melibatkan penggunaan palsu tulen pada tokoh agama: “Mereka menggunakan wajah-wajah tokoh agama, tetapi nampak *palsu tulen* – mulut tokoh itu bergerak dan bercakap... tetapi sebenarnya ia *palsu tulen*, [dengan] akaun palsu” (MLY2). Dalam hal ini, pelampau membuat video yang menunjukkan seorang tokoh agama yang dihormati seolah-olah menyebut sesuatu yang sebenarnya tidak pernah disebut – kemungkinan besar menyokong pandangan melampau – untuk memperdaya penonton. Keadaan ini menegaskan betapa pentingnya kesedaran awam tentang asal usul dan tujuan di sebalik bahan dalam talian, seperti yang ditekankan oleh seorang pakar – “orang ramai perlu tahu cara sesetengah kandungan dicipta” (MLY9).


Taktik serupa di tempat lain di Asia Tenggara juga berkembang dengan cepat. AI berpotensi menggerakkan propaganda dan pengambilan ahli yang bersifat sangat personalisasi. Menurut satu kajian, penghasilan bahasa semula jadi dorongan AI dan bot AI rakan dapat menghasilkan teks atau mesej pemujukan “yang sangat menyentuh individu tertentu... membolehkan penganas menyesuaikan naratif teks mereka, secara strategik memenuhi minat dan kepercayaan unik khalayak sasaran. Tambahan pula, AI boleh meneliti data individu yang boleh diakses oleh orang awam untuk merangka taktik pengambilan ahli yang sangat peribadi, menyesuaikan mesej supaya selari dengan kepercayaan dan ketidakpuasan hati sedia ada pada individu itu” (Ismaizam, 2023, hlm. 163). Sebagai contoh, propagandis pelampau boleh menggunakan AI untuk menganalisis profil media sosial seseorang belia Malaysia dan menghasilkan mesej atau interaksi bot sembang terlatih yang bercakap terus ke profil belia tersebut (misalnya menyebut pasukan bola sepak kegemarannya atau menggunakan nada yang sepadan dengannya). Terdapat juga spekulasi bahawa bot sembang canggih (menggunakan model bahasa yang besar yang serupa dengan ChatGPT) boleh bersembang dengan pengguna, meniru pengambil ahli (manusia sebenar) dan mempengaruhi faham pengguna (Sulaimarl & De Lang, 2024; Ismaizam, 2023). Tahap personalisasi seperti ini, jika dilakukan secara besar-besaran, mungkin memerlukan sangat ramai tenaga kerja pada masa lalu, tetapi AI menjadikannya jauh lebih mudah. Walaupun senario ini belum meluas, namun pakar memberikan amaran bahawa cara ini berpotensi menjadi ancaman.

Walau bagaimanapun, sesetengah pakar barisan hadapan mengingatkan supaya berhati-hati dalam menilai AI. Mereka memberikan amaran agar tidak melebihi-lebihkan kemampuan pada masa ini atau mengabaikan masalah asas yang masih berterusan. Seorang pakar berpendapat bahawa “mengatakan ancaman semasa hanya disebabkan AI adalah salah gambaran” (MLY12). Ringkasnya, AI sendiri bukan senjata ajaib bagi kumpulan pelampau: kandungan propaganda tetap perlu menyentuh prasangka atau maklumat salah yang sedia ada. Pakar yang sama menyatakan kita mungkin “terlalu percaya bahawa AI sangat berkesan” kerana, kerana pada hakikatnya banyak hasil AI berkualiti

rendah – contohnya imej pelik dengan “enam jari” yang akan “dikitawakan oleh penonton yang celik teknologi” (ibid). Mereka menegaskan ramai pelampau di Malaysia masih menggunakan kaedah seperti Photoshop asas, imej sedia ada (*clip art*) atau meme untuk menyebarkan mesej; “palsuan murah” dan pemanfaatan teknologi rendah ini masih berkesan. Perspektif ini penting. Kita tidak seharusnya mengabaikan kaedah propaganda lama yang berkesan hanya kerana terlalu menumpukan isu AI. Kita juga tidak wajar melebihi-lebihkan potensi penggunaan AI sehingga mengambil ringan potensinya dalam usaha menentang fahaman pelampau. Walaupun demikian, peranan AI dalam kegiatan fahaman pelampau dalam talian dijangka terus meningkat dalam masa terdekat dan perlu ditangani secara proaktif (MLY3, MLY12). Pakar keselamatan ASEAN dengan jelas menegaskan bahawa pengambilan ahli dan pembiayaan dalam talian kini dibantu oleh AI, menjadikan pengesanan lebih mencabar (Wan Rosli, 2024). Kita boleh menjangkakan kemunculan lebih banyak “propaganda yang palsu sepenuhnya” — kandungan yang dihasilkan sepenuhnya oleh AI, termasuk teks, suara, imej bahkan permainan video — serta “propaganda diperibadikan” yang disesuaikan begitu khusus mengikut demografi khalayak (Wan Rosli, 2024, hlm. 53).

Teknologi Baru Muncul Lain (termasuk metasemesta, laman web gelap, NFT)

Selain permainan video dan AI, beberapa teknologi baru muncul lain sedang menjadi perhatian pengamal dan penyelidik kerana berpotensi mengubah permainan dalam ekosistem dalam talian bagi pelampau. Teknologi ini termasuklah persekitaran maya imersif (yang sering dikenali sebagai metasemesta), laman web gelap dan aset digital baharu seperti token tidak sepiawai (NFT). Setiap teknologi mempunyai peluang yang unik - dan cabaran - untuk dieksploitasi oleh pelampau. Walaupun teknologi ini belum menjadi tumpuan utama dalam landskap fahaman pelampau keganasan di Malaysia, petugas barisan hadapan berpendapat penting untuk kita sentiasa berwaspada dan bersedia menghadapi kemungkinan itu pada masa depan. Satu kajian terkini mencadangkan bahawa realiti lanjutan atau realiti maya (*extended reality or virtual reality* atau XR/VR) boleh digunakan untuk latihan yang realistik, termasuk perancangan atau pelatihan serangan secara maya (Hunter et al., 2024, hlm. 106). Selain itu, banyak platform metasemesta bercadang membangunkan ekonomi digital bersepadu, yang sering dibina berdasarkan mata wang kripto dan NFT untuk pemilikan barangan maya. Hal ini membuka saluran baharu bagi pemindahan wang. Menurut seorang juruanalisis, kemunculan kripto dan NFT “berfungsi sebagai asas” bahawa sesebuah pertubuhan boleh menggunakan metasemesta untuk memindahkan wang dan menjana pendapatan (ibid, hlm. 106). Sama seperti kaedah pembiayaan melalui permainan video, kumpulan pelampau juga boleh membeli hartanah maya atau NFT dan menjualnya semula untuk mengubah wang haram, atau menganjurkan “acara” palsu dalam metasemesta yang mengenakan bayaran masuk dalam bentuk mata wang kripto. Setakat ini, kumpulan penganas, pelampau keganasan, dan ruang pelampau di Malaysia belum menunjukkan penerimaan ketara terhadap platform metasemesta (yang masih baru di peringkat global), namun kebimbangan terhadap perkembangan masa hadapan jelas kelihatan.



3.2.3. Keutamaan Penting untuk Gerak Balas

Secara keseluruhan, ekosistem dalam talian bagi kegiatan fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan di Malaysia berubah dengan pantas, dipengaruhi oleh anjakan teknologi global dan keadaan sosiopolitik tempatan. Petugas barisan hadapan yang ditemu bual dalam penyelidikan ini mengenal pasti beberapa trend baru muncul

yang paling penting untuk ditangani, antaranya adalah: peralihan dan eksploitasi platform baharu (terutama TikTok, Instagram dan aplikasi pesanan disulitkan), penggunaan mekanisme peluasan pintar untuk mengelakkan penyederhanaan, kaedah pembiayaan inovatif yang memanfaatkan alat digital dan permainan video, serta penggunaan teknologi baharu secara meluas seperti permainan video dan AI sebagai medium pengaruh pelampau. Trend ini tidak berlaku secara berasingan – sebaliknya saling berkait dan mewujudkan pelbagai cabaran. Dengan menangani ekosistem dalam talian yang sedang berkembang ini secara menyeluruh dan proaktif, Malaysia boleh berusaha memastikan ruang digital lebih sukar digunakan oleh kumpulan pelampau serta lebih selamat untuk wacana terbuka dan terangkum.

3.3. Gerak Balas: Yang Lalu dan Yang Akan Datang

Bahagian akhir dapatan yang dibentangkan dalam laporan ini akan menjawab soalan penyelidikan berikut:

Apakah pengajaran, cabaran, gerak balas, dan keperluan yang dikenal pasti oleh pengamal barisan hadapan untuk berusaha mencegah dan menentang fahaman pelampau dalam talian?

Oleh itu, bahagian ini memberikan tumpuan khusus kepada perspektif para pengamal barisan hadapan dan pihak berkepentingan yang berusaha mencegah serta menentang fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan dalam talian, pengajaran yang diperolehi, cabaran yang dihadapi dan keperluan yang telah dikenal pasti, yang dibahagikan mengikut tajuk. Perspektif tambahan daripada penyelidikan turut dimasukkan untuk mengukuhkan ketepatan hasil dan meluaskan perbincangan.

3.3.1 Gerak Balas Sedia Ada

Bahagian ini menggariskan langkah gerak balas sedia ada yang mendapat penilaian positif daripada pihak berkepentingan yang ditemu bual serta yang dikenal pasti dalam literatur. Antara langkah tersebut termasuklah rangka kerja undang-undang yang menyokong usaha menentang fahaman pelampau, fahaman pelampau keganasan dan keganasan seperti penyederhanaan kandungan; usaha komunikasi strategik oleh kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil (*civil society organisation* atau CSO); serta usaha literasi media dan maklumat (MIL).

Pengamal barisan hadapan, pakar akademik serta pihak berkepentingan kerajaan dan CSO yang ditemu bual untuk penyelidikan ini melaporkan tahap penyelarasan yang berbeza-beza (MLY2, MLY3), termasuk kerjasama pada peringkat kebangsaan dan serantau (MLY2). Keadaan ini menunjukkan wujudnya penyelarasan positif tetapi tidak sekata, yang mungkin kukuh antara sesetengah pihak berkaitan dalam usaha menentang ruang fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan, namun kurang kukuh dalam kalangan pihak lain.

Rangka Kerja Undang-undang, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Penyederhanaan Kandungan

Perundangan menentang keganasan di Malaysia merangkumi pelbagai mekanisme, termasuk Akta Pencegahan Keganasan (*Prevention of Terrorism Act* atau POTA), undang-undang pencegahan pembiayaan keganasan dan peruntukan tertentu dalam Kanun Keseksaan (UNDP, 2022). Pada akhir 2024, kerajaan Malaysia mengumumkan Pelan Tindakan Malaysia bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (*Malaysian Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism* atau MyPCVE) dengan tujuan “melengkapi usaha tuntas membanteras kegiatan dan ideologi penganas dalam negara.” (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2024). Penyederhanaan atau penyingkiran kandungan dalam talian boleh dilakukan oleh pelbagai rangka kerja — penyelidikan mencatatkan terdapat “kira-kira 14 jenis undang-undang yang boleh digunakan untuk mengehadkan kebebasan bersuara” (Mohd Nor, 2023, hlm.102) termasuk “undang-undang seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [yang] bertujuan menghalang bahan berunsur penghinaan atau palsu disebar dalam talian, termasuk kandungan pelampau” (Yunus, 2022, hlm.12). Rangka kerja terkini juga memasukkan pendekatan daya tahan digital yang “tersekat sebagai aspirasi bawah Strategi 26 hingga 28 dalam Dasar Keselamatan Negara yang baharu, serta Pelan Tindakan Nasional (*National Action Plan* atau NAP) yang bakal dilaksanakan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan” (ibid, 2022, hlm. 15). Pendekatan ini diperkukuh melalui cadangan rangka kerja “Inisiatif Daya Tahan Digital (*Digital Resilience Initiative* atau DRI)” yang bertujuan mencegah dan menangani fahaman pelampau keganasan dalam ruang digital” (The Star, 2023). Rangka kerja ini memberikan penekanan terhadap aspek “kesedaran dan pengetahuan, sokongan dan pemerkasaan, peraturan dan kebertanggungjawaban serta kerjasama dan permuafakatan” (Wei, 2023, hlm. 136).

Responden temu bual menjelaskan kuasa untuk menyederhanakan kandungan berada di tangan polis serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)¹, dan banyak yang memuji usaha SKMM dalam menentang fahaman pelampau dalam talian serta memerangi maklumat salah dan maklumat palsu (MLY3, MLY4). Polis Diraja Malaysia turut terlibat dalam pemantauan dan pengesanan kandungan pelampau, pelampau keganasan dan pengganas di media sosial dan dalam talian, yang diketuai oleh bahagian pencegahan keganasan (MLY3). Penyelidikan juga merekodkan siasatan terhadap akaun yang dikaitkan dengan Daesh dan al Qaeda secara khusus (Satria et al., 2024). Responden temu bual turut menyatakan kerajaan Malaysia dan pasukan penguatkuasaan undang-undang bergiat cergas dalam pemantauan, siasatan, dan apabila perlu, penangkapan dan pendakwaan berkaitan dengan kandungan pelampau, pelampau keganasan dan pengganas dalam media sosial dan ruang dalam talian, yang dilihat sebagai 'langkah tegas mengekang' kandungan sedemikian di platform seperti TikTok (MLY11, MLY1, MLY2).

Menangani Naratif Pelampau dan Pelampau Keganasan (CEVE)

Usaha Malaysia untuk menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan termasuk memberikan tumpuan yang serius terhadap komunikasi strategik, yang banyak didokumenkan dalam literatur dan dibuktikan melalui pelbagai inisiatif.

“Pelan Tindakan Perpaduan Negara Malaysia 2021–2030 [...] bertujuan memperkukuh perpaduan negara melalui dasar dan program terangkum. Pelan ini menekankan kepentingan dialog dan pelibatan dengan pelbagai komuniti kaum dan agama, mencerminkan pendekatan diplomatik untuk memupuk persefahaman dan toleransi. Dengan menggalakkan dialog dan kerjasama, Malaysia berusaha menangani punca ucapan kebencian dan mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni. Pendekatan diplomatik ini turut disokong melalui rangka kerja kebangsaan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Anwar Ibrahim” (Mohd Nor, 2024, hlm. 54).

Pelbagai pelaku didapati melaksanakan kempen naratif balas atau naratif alternatif dan kempen kesedaran awam yang bertujuan menentang fahaman pelampau, termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pelbagai pertubuhan masyarakat sivil (Jani, 2017). Antara inisiatif utama ialah Pusat Mesej Balas (*Counter-Messaging Centre* atau CMC) di bawah Kementerian Dalam Negeri [dan] Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT)” (ibid, hlm. 9).

SEARCCT khususnya telah mengendalikan pelbagai kempen berpusatkan belia, syarahan dan inisiatif media digital untuk mencegah fahaman pelampau, pelampau keganasan dan ucapan kebencian dalam talian, menggunakan komunikasi strategik dan kandungan kreatif untuk memupuk sikap tolak ansur serta mencegah radikalisme (Yunus, 2022; Mohd Nor, 2024; Yusof et al., 2021; UNDP, 2022). SEARCCT juga menganjurkan program yang bertujuan mencegah radikalisme dalam kalangan masyarakat dan belia, termasuk Siri Syarahan Universiti (*University Lecture Series* atau ULS) yang melibatkan kira-kira 9,000 orang pelajar dari seluruh Malaysia (Mohd Nor, 2024, hlm. 67). Selain itu, SEARCCT juga membangunkan kempen komunikasi strategik yang dirancang untuk menangkis naratif pelampau keganasan dalam talian serta memupuk kesedaran awam dalam kalangan belia (Yunus, 2022, hlm. 12).

SEARCCT turut memperluas kempen kandungan kreatif untuk menggalakkan penyertaan belia pada peringkat akar umbi. Contoh penting termasuk inisiatif Menyasarkan dan Mencegah Fahaman Pelampau untuk Belia (*Targeting and Preventing Extremism for Youths* atau TAPESTRY) yang melatih pelajar menghasilkan dan menyebarkan kandungan naratif balas menggunakan telefon pintar (UNDP, 2022, hlm. 52) serta kempen Ungkapan Positif Belia Hebat (*Hebat Youth Positive Expressions* atau HYPE), iaitu kempen penciptaan kandungan yang bertujuan menggalakkan belia Malaysia merangka penyelesaian berasaskan komuniti yang kreatif untuk menangani pemacu penting radikalisme seperti sikap tidak bertolak ansur dan prejudis kaum (ibid, hlm. 56). Satu lagi inisiatif yang penting ialah kempen #SenjataSaya di bawah panji Suara Malaysia Menentang Fahaman Pelampau Keganasan (*Malaysian Voices Opposing Violent Extremism* atau MOVE), apabila SEARCCT bekerjasama dengan pengengaruh tempatan untuk mentakrifkan semula maksud “senjata” kepada makna yang lebih positif (ibid, hlm. 57).

1 “Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) ialah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998). SKMM mengawal dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia, termasuklah telekomunikasi, penyiaran, perkhidmatan pos dan tandatangan digital.” (Wan Ahmad Dahlan 2021, 12).

Usaha lain turut merangkumi penyediaan pelbagai sumber dan platform perkongsian ilmu — contohnya, Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC-IIUM) bersama Institut Akhbar Malaysia (*Malaysia Press Institute* atau MPI) dan SEARCCT melancarkan MyCVEGuide, iaitu pustaka dalam talian yang menghimpunkan sumber yang berkaitan dengan usaha mencegah dan menangani fahaman pelampau untuk kegunaan wartawan dan penyelidik. Selain itu, UNDP Malaysia dan SEARCCT menerbitkan buku panduan untuk pengamal media sebagai panduan dalam melaporkan berita pencegahan pelampau keganasan melalui usaha mengukuhkan perpaduan sosial (Yunus, 2022, hlm. 14).

Kajian menunjukkan Malaysia “berusaha menggalakkan pendekatan Islam yang lebih sederhana dan terangkum melalui konsep Rahmatan Lil ‘Alamin (Rahmat untuk sekalian Alam) (Yunus, 2022, hlm. 12) untuk menangkis naratif kumpulan seperti Daesh dan al Qaeda. Selain itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, Malaysia turut mengambil pendekatan proaktif ‘daya tahan digital’. Penyelidikan mendapati jangkauan dan kesan kempen naratif balas adalah rumit, dan walaupun langkah ini memberikan kesan yang baik tetapi ia juga membawa kesan buruk jika tidak diterima dengan baik. Oleh itu, apa-apa usaha komunikasi strategik yang berkesan bukan sahaja perlu ‘menangkis’ naratif tetapi juga membina ketahanan masyarakat terhadap naratif tersebut – mujurlah, apabila sebuah rencana menyebutkan, “pihak berkepentingan sedang meneliti penyelesaian jangka panjang dan lebih mampan, iaitu dengan memperkasakan masyarakat supaya berdaya tahan secara digital” (ibid, hlm. 14), seperti cadangan Rangka Kerja Inisiatif Ketahanan Digital (*Digital Resilience Initiative* atau DRI) (rujuk Bahagian 3.1.1 di atas).

Usaha masyarakat sivil untuk mencegah dan menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan sebelum ini agak terhad dan jarang berlaku. Dengan meningkatnya peluang pendanaan baru-baru ini dan bertambahnya tumpuan terhadap pencegahan serta pembinaan ketahanan, telah meningkatkan ruang ini dan potensi bagi usaha yang dikendalikan oleh pertubuhan masyarakat sivil (CSO) untuk melengkapkan inisiatif kerajaan (Yunus, 2022). Penyelidikan mendapati “pertubuhan masyarakat sivil tempatan menunjukkan prestasi yang baik dalam pendidikan, dialog dan inisiatif kesedaran menentang fahaman pelampau, selain memperjuangkan isu seperti tadbir urus, pembangunan dan hak asasi manusia, yang secara keseluruhan membantu mengurangkan pemacu struktur atau rasa tidak puas hati yang membawa kepada pelampau keganasan” (ibid, hlm. 13). Antara contoh usaha penting yang dijalankan termasuk:

- ◆ “Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) berjaya dalam usaha ini dengan memanfaatkan rangkaian pengikut yang luas di seluruh negara untuk mengesan dan mencegah radikalisation dalam talian dan luar talian, khususnya dengan memperkukuh ajaran Islam yang sederhana. Pada 2021, ABIM bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk menghasilkan buku panduan dan siri webinar tentang pencegahan fahaman pelampau dalam kalangan belia. IKRAM, sebuah lagi pertubuhan bukan kerajaan (*Non-Governmental Organisation* atau NGO) Islam yang berpengaruh, turut menggalakkan perbincangan agama yang sihat dan berusaha membetulkan tanggapan salah tentang jihad yang diselewengkan dalam mesej dalam talian kumpulan IS. Semasa pandemik, pelaku masyarakat turut memainkan peranan penting sebagai penyemak fakta terhadap maklumat palsu tentang virus dan memastikan maklumat yang sahih dapat dicapai oleh golongan rentan seperti pendatang asing dan pelarian” (Yunus, 2022, hlm. 13);
- ◆ Projek “Pemimpin Muda untuk Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan dalam talian di Asia Tenggara (*Young Leaders for Online Preventing and Countering Violent Extremism (PCVE) in Southeast Asia*)” anjuran Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Menentang Keganasan (*United Nations Office of Counter-Terrorism* atau UNOCT)/Pusat Menentang Keganasan PBB (*United Nations Counter Terrorism Centre* atau UNCCT) melalui Program Global PCVE, dijalankan dari Jun 2023 hingga Jun 2024 di Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand. Projek ini bertujuan membangunkan kempen komunikasi strategik PCVE yang disesuaikan dengan keadaan setempat serta melatih golongan belia untuk membina keupayaan rakan sebaya mereka secara mampan (Roberts & Matsushima, 2024, hlm. 7);
- ◆ “Majlis Belia Malaysia (MBM) [yang] menganjurkan forum, bengkel dan kempen dalam talian untuk menangani radikalisation dan memupuk perpaduan sosial dalam kalangan belia” (Cabanes Ragandang, 2024, hlm. 31);
- ◆ “Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Gerakan Global Moderat (*Global Movement of Moderates* atau GMM) bergabung membentuk pasukan khas menentang ideologi IS sejak September 2014. Sejak penubuhannya, pasukan khas ini, ABIM dan GMM menghasilkan poster dan video pendek untuk mewujudkan kesedaran awam tentang naratif pelampau dan mencegah belia daripada menyertai kumpulan pengganas” (Jani, 2017, hlm. 8).

Walaupun usaha masyarakat sivil ini memberikan kesan positif, skala keseluruhannya masih kecil, menunjukkan terdapat potensi besar untuk kerjasama dan usaha untuk melengkapkannya pada masa depan.



Pembangunan Literasi Media dan Maklumat (MIL)

Malaysia mempunyai strategi literasi media dalam konteks sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi dengan melibatkan beberapa kementerian seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pengajian Tinggi. Namun demikian, pendekatan ini dirangka tanpa menyediakan kurikulum khusus bagi program literasi media – pendidikan Literasi Media dan Maklumat (MIL) tidak disediakan dalam kurikulum pendidikan secara formal (Yee & Shyh, 2024, hlm. 345) – sebaliknya, idea ini akan disepadukan dalam kegiatan dan mata pelajaran sedia ada (MLY2). Walau bagaimanapun, Malaysia memasukkan kemahiran digital dalam kurikulum kebangsaan dengan tumpuan diberikan terhadap kecekapan digital yang merangkumi juga aspek literasi media dan maklumat (Subramaniam, 2023, hlm. 24).

Responden temu bual turut menyatakan terdapat modul pemikiran kritis pada peringkat universiti (MLY3), manakala penyelidikan juga menekankan beberapa inisiatif yang lebih meluas, antaranya pakatan *JomCheck* (gabungan akademik, media dan masyarakat sivil di Malaysia untuk mengurangkan kesan memudaratkan maklumat palsu) yang melibatkan rakan kerjasama – “seperti kumpulan pendidikan bebas *Arus Academy*, gerakan *Media Education For All* (ME4A) dan *Society of Media and Information Literacy Educators* (SMILE)” (Kwan Yee Kow, 2024) yang mengendalikan latihan dan bengkel untuk golongan belia. Selain itu, terdapat juga inisiatif literasi media lain seperti inisiatif Menentang Maklumat Salah (*Countering Misinformation*) oleh FaqCheck Lab, kempen #KitaBukanKami oleh IDEAS dan Imagined Malaysia serta “kempen naratif balas yang bertujuan menentang naratif berbahaya atau perpecahan melalui Inisiatif untuk Menggalakkan Toleransi dan Mencegah Keganasan (*Initiative to Promote Tolerance and Prevent Violence*)” (Shamsuddin, 2022, hlm. 4).

3.3.2. Cabaran Utama, Keperluan dan Pengajaran yang Diperoleh

Bahagian ini merangkumkan penyelidikan utama yang dijalankan untuk Laporan ini dengan literatur yang berkaitan mengikut konteks Malaysia untuk mengetengahkan perspektif pakar dan pengamal tentang cabaran utama, keperluan dan pengajaran yang diperoleh dalam usaha mencegah fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan dalam talian di Malaysia hari ini. Cabaran dan isu utama yang diketengahkan adalah pelbagai, antaranya termasuklah cara memastikan penyederhanaan kandungan yang seimbang dan berkesan, cara memperkukuh literasi media dan maklumat (MIL) serta literasi digital, cara meningkatkan dan mengukuhkan penyelarasan serta memastikan pendekatan pencegahan yang terangkum, serta cara memanfaatkan penyelidikan dan bukti untuk memahami keperluan dan merangka gerak balas. Responden temu bual menekankan beberapa aspek yang boleh menangani jurang dalam sumber atau pengetahuan, termasuk pendanaan bukan sahaja untuk menjalankan penyelidikan tetapi juga untuk menterjemahkan hasil penyelidikan tersebut ke dalam usaha pengaturcaraan dan dasar yang boleh dilaksanakan (MLY12), keperluan pembangunan alat atau metrik yang sahih bagi mengukur proses radikalisation (MLY3), dan untuk terus membangunkan pangkalan kepakaran tempatan secara meluas bagi usaha mencegah dan menangani fahaman pelampau (MLY12).

Menangani Cabaran Penyederhanaan Kandungan

“Kita perlu sedar tentang hakikat bahawa kita tidak boleh menghapuskan semua kandungan dalam talian.” (MLY1)

Cabaran lebih luas dalam penyederhanaan kandungan – seperti ketidakmampuan untuk mengenal pasti dan memahami “nuansa bahasa dan budaya, seperti unsur jenaka atau kod komunikasi tersembunyi (*dog whistles*)” (UNICRI & UNCCT, 2021, hlm. 30; Mustaffa, 2022, hlm. 4), yang sering mengakibatkan kelewatan dalam penyingkiran kandungan (Leong & Loh, 2025) – dikenal pasti dalam literatur mengikut konteks Malaysia. Namun begitu, secara khusus, pendekatan penyederhanaan kandungan yang seimbang serta penyelarasan dalam usaha penyederhanaan merupakan cabaran utama yang dikenal pasti dalam penyelidikan ini.

Temu bual dan literatur menekankan keperluan untuk mencapai keseimbangan antara keselamatan dengan kepentingan lain, dengan menegaskan keperluan penyederhanaan kandungan pelampau atau pelampau keganasan, namun pada masa yang sama memberikan ruang kepada golongan belia dan masyarakat secara umum untuk berinteraksi secara bebas dalam talian serta berdebat secara sihat (MLY1, MLY2, MLY11).

Penyelidikan juga menyatakan bahawa di Malaysia, “undang-undang yang mengehadkan kebebasan bersuara untuk menangani ucapan kebencian adalah kabur” dan “masalah kekaburan takrifan (atau tiada takrifan) ini boleh menyebabkan sekatan sewenang-wenangnya terhadap kebebasan bersuara” (Mohd Nor, 2023, hlm. 102). Beberapa individu yang ditemu bual menekankan cabaran yang timbul daripada Akta Hasutan, yang dianggap bahawa sesetengah pihak terlalu menghukum dan boleh digunakan dengan pentafsiran yang terlalu luas (MLY1, MLY12). Kajian turut menyatakan bahawa penggunaan undang-undang ini untuk menangani ucapan kebencian mungkin tidak

memadai untuk “membina daya tahan digital” dan menekankan keperluan untuk memberikan perhatian terhadap keseimbangan antara menjaga keselamatan dengan nilai negara dengan menegakkan hak asasi manusia (Wei, 2023); selain itu, pelaksanaannya juga dilihat tidak konsisten (Muhaimi, 2022). Begitu juga, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 digambarkan sebagai “digunakan dengan ruang lingkup yang terlalu luas” (Gilder, 2022, hlm. 295). Platform media sosial turut dikritik dalam literatur kerana gerak balas mereka yang dianggap kurang memuaskan dalam isu mengikut konteks di Malaysia, dan keterlibatan yang rendah dalam menyingkirkan atau menyederhanakan kandungan ucapan kebencian di rantau ini (Mustaffa, 2022) dan usaha ini dilabelkan sebagai “tidak konsisten” (Liu, 2023, hlm. 549f.).

Literatur juga mengenal pasti cabaran penyelarasan dalam usaha penyederhanaan kandungan antara kerajaan, media secara meluas, masyarakat sivil dengan syarikat teknologi atau platform digital tertentu (Mohd Nor, 2023; Mustaffa, 2024; Gilder, 2022; Liu, 2023). Penting untuk diperhatikan bahawa pelibatan dengan setiap platform tersebut tidak boleh dicirikan secara seragam, kerana ramai mendapati pelibatan, pendekatan dan penyelarasan berbeza-beza mengikut platform. Responden temu bual menekankan bahawa cabaran seperti pemahaman terhad tentang penyederhanaan kandungan dan kerumitannya – cabaran ini juga wujud di banyak negara lain – serta tumpuan yang terlalu banyak pada hasil (contohnya, bilangan kandungan yang disingkirkan dan tempoh penyingkiran) berbanding proses (cara kandungan dikenal pasti, pihak yang terkesan dengan penyederhanaan tersebut) oleh sesetengah pelaku di Malaysia dalam menilai keberkesanan penyederhanaan (MLY12). Keperluan untuk meningkatkan keupayaan linguistik serta latihan bagi menangani sikap berat sebelah dalam kalangan penyederhana kandungan (MLY3) turut disuarakan, dengan beberapa contoh menunjukkan betapa bahasa berkod dalam loghat daerah atau naratif kontekstual berjaya mengelak daripada dikesan oleh sistem penyederhanaan (MLY12, MLY1). Terus membangunkan dan menambah kepakaran tempatan untuk mengenal pasti, memahami dan menangani naratif ini juga disarankan (MLY3), begitu juga mekanisme sokongan tambahan bagi pembuat dasar dan penguatkuasaan undang-undang dalam usaha pencegahan fahaman pelampau dalam talian (MLY12). Beberapa pihak lain turut menegaskan bahawa pelibatan dengan pertubuhan masyarakat sivil dan pakar dalam proses penyederhanaan kandungan dapat mengukuhkan lagi usaha penyederhanaan dan keterangkuman, memandangkan mereka merupakan pelaku utama untuk memastikan ruang digital sentiasa selamat (ibid).

Membina Literasi Media dan Maklumat

Terdapat maklumat yang bercanggah dalam literatur, dan daripada perspektif responden temu bual tentang tahap literasi media dan maklumat (MIL) dan literasi digital secara umum di Malaysia, dan implikasinya juga bercampur-campur. Literatur menjelaskan cabaran dalam kalangan pengguna Malaysia untuk membezakan berita benar daripada maklumat salah atau maklumat palsu (Yatid, 2019, hlm. 215), namun pada masa yang sama menyatakan tahap literasi digital yang tinggi (Dass, 2025). Kedua-duanya berpotensi menyumbang secara berbeza kepada proses radikalisation dalam talian.

Literatur menjelaskan usaha penyemakan fakta dan memerangi maklumat salah mempunyai jangkauan agak luas, namun menekankan keperluan untuk membina kepercayaan serta pelibatan seluruh lapisan masyarakat untuk meningkatkan keberkesanan usaha ini (Yatid, 2019, hlm. 217). Penyelidikan juga mendapati bahawa bentuk pendidikan MIL yang melibatkan pelajar secara aktif dalam penghasilan media dapat membantu mengasah “kemahiran analisis kritis, kreativiti dan hujahan, serta memupuk nilai toleransi dalam masyarakat” (Yee & Shyh, 2024, hlm. 345). Pendekatan ini disarankan untuk usaha MIL pada masa akan datang, dan “kesedaran awam tentang topik seperti fahaman pelampau keganasan dan ucapan kebencian perlu ditingkatkan, [dan] memasukkan topik ini ke dalam sukatan pelajaran pendidikan sebagai satu pilihan yang berkesan (Dass, 2025). Dalam persekitaran ini, membangunkan “pemikiran kritis” (MLY9) menjadi perlu, bukan sahaja untuk golongan belia, tetapi juga untuk semua pengguna Internet. Berkaitan kecerdasan buatan (AI), pakar yang ditemu bual memberikan amaran bahawa banyak yang menggunakan AI tanpa memahami keterbatasannya atau betapa teknologi itu boleh menyebarkan stereotaip negatif dan pandangan sejagat yang berat sebelah (MLY7). Tambahan lagi, gerak balas pendidikan masih terhad kerana modul sedia ada lebih memberikan tumpuan terhadap isu berita palsu sahaja (MLY7). Oleh yang demikian, terdapat keperluan rangka kerja literasi media dan maklumat yang lebih menyeluruh — yang menangani ucapan kebencian, kesannya, serta cara untuk terlibat secara kritis dengan kandungan sebegitu.

Responden temu bual menekankan keperluan untuk memulakan pendidikan seperti ini sejak di bangku sekolah (MLY11) hingga ke peringkat universiti. Namun begitu, bagi peringkat universiti, mereka tidak mencadangkan agar MIL dimasukkan ke dalam kurikulum teras, sebaliknya mencari cara untuk membina kemahiran ini melalui aktiviti luar kurikulum atau platform sedia ada atau mata pelajaran bukan teras (MLY11, MLY4). Seterusnya, mereka menegaskan usaha ini perlu mengambil kira perkembangan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan dan permainan video (MLY4), serta melibatkan kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil dan akar umbi, termasuk pihak berperanan agama (MLY2), sama ada dalam perancangan mahupun pelaksanaan inisiatif tersebut untuk meningkatkan keberkesanannya (MLY4, MLY12).

Memperkukuh Penyelarasan

Literatur dan responden sama-sama menekankan kepentingan penyelarasan bukan sahaja dalam kerajaan, tetapi juga dengan pelbagai pelaku dalam masyarakat dan pada peringkat serantau (Habulan et al., 2018; Fernandez, 2022) untuk menyokong usaha mencegah dan menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan. Namun demikian, beberapa cabaran turut dikenal pasti. Seorang pakar yang ditemu bual mendapati, walaupun terdapat banyak kempen yang baik, “usaha itu tidak berpusat” (MLY8). Literatur juga menekankan masih terdapat ruang untuk meningkatkan kerjasama antara institusi kerajaan bagi mengurangkan pertindihan tugas serta memperjelas sempadan tanggungjawab (Fernandez, 2022; Jani, 2017; Dass, 2025). Jurang ini menunjukkan keperluan mendesak terhadap pendekatan yang lebih terselaras.

Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) sering dikenal pasti sebagai pelaku utama, namun hubungan dengan mereka memerlukan pembinaan kepercayaan dan penyelarasan yang lebih giat (MLY11), dan “halangan pertubuhan, seperti kekangan pendanaan dan sumber manusia menjadi rintangan [...] dalam menjayakan isu PCVE” (Shamsuddin, 2022, hlm. 2); mereka juga kadang kala diketepikan daripada usaha menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan yang biasanya berpusatkan kerajaan (Kamaruzzaman et al., 2023; Mohd Nor, 2024; Shamsuddin, 2022). Literatur sangat mengesyorkan supaya pelibatan antara CSO dengan kerajaan ditingkatkan untuk mengukuhkan usaha mencegah dan menangani fahaman pelampau, seperti yang turut disuarakan oleh beberapa responden temu bual (MLY2). Seterusnya, pelibatan bukan hanya merentas sektor — dengan sektor swasta dan perniagaan, termasuk platform teknologi (MLY1) — tetapi juga mengutamakan pendekatan antara disiplin untuk menangani kerumitan cabaran ini (MLY11) telah dinyatakan oleh responden temu bual. Pendekatan seluruh masyarakat juga perlu mengiktiraf peranan penting keluarga. Seperti yang ditegaskan seorang pakar, wujud “kekurangan pemahaman tentang keperluan ibu bapa dan penjaga untuk memainkan peranan” (MLY8) dalam menjaga keselamatan golongan belia dalam ruang digital.

Beberapa responden temu bual menyatakan kewujudan rangka kerja penyelarasan serantau dan rangkaian peribadi atau profesional dapat dimanfaatkan untuk mendapatkan pengetahuan serantau tentang usaha mencegah dan menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan. Mereka turut menegaskan kepentingan dan keperluan untuk terus mengembangkan dan memperkukuh mekanisme tersebut (MLY12, MLY2). Seorang penulis menyatakan, “memandangkan usaha tanpa sempadan oleh IS yang berlegar dalam naratif “khalifah global”, negara Asia Tenggara perlu bekerjasama rapat untuk menangkis naratif tersebut melalui inisiatif mencegah fahaman pelampau keganasan (CVE) dan berasaskan dasar yang memupuk nilai tolak ansur, kesederhanaan dan keharmonian bersama” (Habulan et al., 2018, hlm. 29). Kerjasama serantau, termasuk perkongsian maklumat, disarankan secara meluas dalam literatur (Habulan et al., 2018, hlm. 29; Fernandez, 2022, hlm. 94). Pelibatan dan penyelarasan pada semua peringkat ini memperkukuh pendekatan pencegahan yang diperlukan untuk menangani fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan secara berkesan, sekali gus membina ketahanan masyarakat dan menghalang radikalisme (Shamsuddin, 2022, hlm. 3).

Memperkukuh Komunikasi Strategik

Temu bual menekankan pelbagai langkah berpotensi untuk memperkukuh usaha komunikasi strategik. Antara yang dikemukakan ialah keperluan mengenal pasti dan melibatkan pihak berkepentingan yang berkaitan — iaitu khalayak sasaran — dalam pembangunan naratif balas atau naratif alternatif untuk memastikan keberkesanannya, bukan hanya melalui penyesuaian naratif, tetapi juga memanfaatkan pembawa mesej yang dipercayai dan berwibawa (MLY4). Ramai responden temu bual menekankan kepentingan memahami khalayak dan membangunkan kandungan yang disesuaikan (MLY3, MLY4), serta mengetengahkan keperluan untuk menghasilkan lebih banyak naratif balas yang lebih baik (MLY1, MLY2), mencadangkan keperluan untuk kandungan yang lebih inovatif dan menarik (MLY2). Walaupun inisiatif itu berniat baik, namun ia mungkin “tidak disampaikan dalam bentuk yang sesuai” (MLY7), sehingga mengehadkan keupayaan untuk menjangkau dan menarik khalayak sasaran dengan berkesan. Menambah latihan dan sumber untuk menyokong usaha ini telah dicadangkan, termasuk melatih pelaku masyarakat tentang cara membina naratif dan menggunakan alat inovatif, selain menyokong pengamal komunikasi strategik untuk memanfaatkan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (MLY1).

Keperluan menyediakan sumber untuk menghasilkan kandungan dalam lebih banyak bahasa turut ditekankan supaya dapat menjangkau lebih ramai khalayak sebagai sangat relevan dalam konteks kepelbagaian bahasa di Malaysia (MLY11), dan mencadangkan keperluan melibatkan pelaku masyarakat untuk menghasilkan naratif balas atau naratif alternatif yang berkesan dalam bahasa mereka sendiri untuk meluaskan jangkauan dan kesan.

Memahami Keperluan, Memastikan Pendekatan Terangkum

Literatur menekankan kepentingan memahami cara golongan belia berinteraksi dalam talian untuk menyampaikan gerak balas yang berkesan (Ismail et al., 2022), dan responden temu bual juga turut menegaskan bahawa tumpuan terhadap keupayaan dan pemeraksanaan belia dalam usaha pencegahan (MLY11), memahami dorongan mereka dan menyediakan saluran positif untuk mereka terlibat dan mencari makna turut dianggap penting dalam menyokong usaha ini (MLY4). Ia bukan sahaja termasuk pembangunan kandungan komunikasi strategik tetapi juga penyederhanaannya (MLY2). Walau bagaimanapun, ada juga responden temu bual yang menyatakan meskipun pendekatan ini berkesan, namun ia memerlukan sumber yang besar (MLY1) dan perlu dilaksanakan berlandaskan prinsip “tidak memudaratkan” (MLY4). Golongan belia juga memerlukan latihan dan bimbingan pakar agar dapat melaksanakannya dengan berkesan dan selamat (MLY1, MLY4). Seorang responden temu bual menegaskan kebanyakan belia yang melihat kandungan berbahaya dalam talian tidak melaporkannya kecuali jika mereka sendiri terkesan (MLY7), namun pendedahan terhadap kandungan sebegini boleh mempengaruhi sikap. Hal ini menegaskan kepentingan mengamalkan pendekatan yang terangkum dan melibatkan penyertaan — yang bukan sahaja memperkasakan mereka tetapi juga membekalkan kemahiran kepada mereka untuk mengenal pasti, menangkis dan bergerak balas terhadap kandungan berbahaya.

Jantina juga menjadi aspek utama dalam memastikan keberkesanan usaha pencegahan. Fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan mempunyai dimensi jantina, dan kajian menunjukkan wanita di Malaysia mempunyai lebih banyak rasa tidak puas hati berbanding lelaki, menjadikan mereka lebih berisiko terdedah kepada kandungan pelampau keganasan atau radikalisasi (Wei, 2023). Literatur tentang kaitan antara jantina dengan fahaman pelampau dalam konteks Malaysia mengesyorkan kerjasama khusus antara pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dengan kementerian berkaitan — terutamanya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) — untuk membina daya tahan digital dalam kalangan wanita (ibid, 2023). Responden temu bual menekankan keperluan keterangkuman dan pelibatan meluas daripada pelbagai pihak berkepentingan — termasuk wanita, belia, kumpulan budaya dan masyarakat orang asli (MLY3, MLY2, MLY4, MLY12). Mereka juga menekankan peranan penting pakar dan pelaku wanita dalam aspek pencegahan fahaman pelampau serta menyarankan agar usaha untuk menyokong pelibatan mereka diperkukuh (MLY12), dengan menekankan bahawa kepelbagaian perspektif dapat memperkukuh dasar dan pengaturcaraan (MLY4). Secara keseluruhan, pendekatan menyeluruh dan merangkumi seluruh masyarakat ialah asas bagi daya tahan dan pencegahan, adalah hujah yang kukuh yang diperoleh daripada temu bual dan literatur.

Responden temu bual turut mengingatkan supaya tidak memberikan tumpuan berlebihan terhadap komponen radikalisasi dan fahaman pelampau dalam talian, kerana unsur luar talian juga didapati memainkan peranan penting dan menyerlahkan kerumitan isu ini (MLY12). Akhir sekali, responden temu bual menekankan bahawa pemantauan dan penilaian ialah alat penting dalam usaha memahami keperluan pelbagai pihak berkepentingan dan mengelakkan gerak balas yang terasing (MLY11), seterusnya menilai keberkesanan dasar dan pengaturcaraan (MLY4). Mereka juga menegaskan pemantauan dan penilaian boleh menjadi alat yang berkesan untuk mengenal pasti pengajaran yang diperoleh, dengan memberikan kes contoh yang dapat membantu mengenal pasti pendekatan yang tidak berhasil seperti yang dirancang (MLY1).





4. SARANAN

4. Saranan

Berdasarkan pelbagai cabaran, ancaman, pengajaran, keperluan dan peluang yang dikenal pasti oleh para pengamal, petugas kerajaan, masyarakat sivil dan ahli akademik di Malaysia dalam penyelidikan ini, bahagian ini mengemukakan saranan yang menekankan aspek yang berpotensi untuk diberikan tumpuan atau tindakan untuk terus memperkukuh usaha mencegah fahaman pelampau dalam landskap media dan maklumat hari ini.



Pendekatan mengikut konteks untuk mencegah fahaman pelampau diperlukan, serta pengajaran dan trend global boleh dijadikan panduan dalam pencegahan setempat

Memahami naratif pelampau di Malaysia memerlukan pendekatan khusus konteks yang teliti. Oleh itu, penganalisis dan pembuat dasar perlu menilai naratif dan dinamika yang timbul dalam kerangka sosiopolitik dan sejarah tempat naratif dan dinamika itu berkembang (MLY3). Walaupun setiap konteks adalah unik, trend baru muncul di negara lain atau negara jiran boleh memberikan petunjuk tentang jenis cabaran atau isu yang mungkin perlu ditangani dalam usaha pencegahan pada masa depan. Pembuat dasar dan pengamal hendaklah memberikan perhatian terhadap perkembangan dalam ruang digital di seluruh dunia untuk mengelakkan taktik baharu daripada digunakan dalam konteks di Malaysia. Penyelarasan serantau dan pelibatan sektor swasta amat penting dalam pendekatan proaktif untuk menangani ancaman baru muncul.

Mengimbangi usaha dalam talian dengan luar talian adalah penting untuk memerangi fahaman pelampau dengan berkesan, dan menggunakan pelbagai alat untuk mencegah fahaman pelampau dalam talian akan memperkukuh usaha

Walaupun proses radikalisation jarang berlaku sepenuhnya hanya dalam talian, dan pakar mendapati kewujudan dinamika radikalisation luar talian, namun pendekatan yang mengambil kira ketahanan terhadap fahaman pelampau secara menyeluruh besar kemungkinan lebih berkesan. Hal ini boleh bermaksud melengkapkan literasi media dan maklumat dengan literasi kecerdasan buatan (AI) atau literasi digital; seolah-olah mesej media tradisional digabungkan dengan media sosial; ia boleh menerapkan usaha membina ketahanan terhadap naratif pelampau bukan sahaja dalam forum dalam talian tetapi juga dalam ruang luar talian seperti pendidikan formal dan tidak formal. Begitu juga, memastikan tumpuan diberikan terhadap usaha pembinaan ketahanan dan pencegahan, dengan melengkapkan masyarakat dengan alat untuk menangkis kandungan atau naratif pelampau agar tidak terjerumus, digabungkan dengan usaha penyederhanaan kandungan untuk mengurangkan kemungkinan terdedah kepada kandungan berniat jahat, akan memperkukuh usaha secara keseluruhan. Penyederhanaan kandungan boleh dilaksanakan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan ketahanan, dan para pakar serta pengamal menekankan keperluan untuk mengimbangi kebimbangan keselamatan dengan mewujudkan ruang dalam talian yang menggalakkan dialog, pelibatan dan perpaduan sosial.

Permainan video ialah medan baru muncul dalam mencegah fahaman pelampau, dan pelibatan dengan platform serta peningkatan literasi digital adalah penting

Pengamal pencegahan fahaman pelampau di Malaysia boleh menggunakan usaha terbaru dengan melibatkan masyarakat dan syarikat permainan video sebagai asas untuk menggalakkan literasi digital, pengawalan sendiri, dan inisiatif pimpinan belia terangkum yang dapat meningkatkan ketahanan dan mencegah fahaman pelampau dalam ruang dalam talian. Permainan video belum menjadi tumpuan utama usaha sedia ada walaupun terdapat langkah positif baharu yang dipelopori oleh SEARCCT. Berdasarkan trend yang dinyatakan dalam Laporan ini, pihak berkepentingan perlu berinteraksi dengan syarikat dan khalayak permainan video untuk meningkatkan kesedaran serta menggalakkan pengawalan sendiri, pembinaan ketahanan, dan penyederhanaan masyarakat. Cabaran ini juga memerlukan peningkatan literasi digital dalam kalangan belia, dan mengajar pemain muda untuk mengenal pasti cubaan seseorang untuk memanipulasi atau radikalisasi. Pertubuhan masyarakat boleh merangka program yang melibatkan pemain dalam kempen positif dan terangkum. Inisiatif naratif balas dan literasi media dorongan belia turut dikenal pasti oleh responden sebagai inisiatif yang mempunyai harapan untuk berjaya — pemerksaan pemain muda ini juga boleh menjadi alat berkuasa untuk mencegah fahaman pelampau dalam talian.

Kecerdasan Buatan (AI) tidak hanya memberikan ancaman tetapi juga peluang

Malaysia, sebagai negara yang pesat menggunakan AI dalam pelbagai sektor, berkemungkinan perlu mencari cara untuk memasukkan langkah keselamatan mencegah fahaman pelampau dan fahaman pelampau keganasan ke dalam strategi digitalnya. Cara ini termasuklah pelaburan dalam alat AI untuk mengesan palsu tulen dan kempen pengaruh dorongan bot; pemantauan menggunakan alat berasaskan Model Bahasa Besar (*Large Language Model* atau LLM); melatih penguat kuasa undang-undang dan penganalisis dalam literasi AI; dan menggalakkan kempen pendidikan awam tentang pengesahan maklumat (contohnya, mengajar orang ramai cara menggunakan carian imej berbalik atau alat pengesan imej AI). Responden temu bual juga menyeru supaya diadakan lebih banyak penyelidikan tentang kesan AI terhadap aliran maklumat di negara ini. Pembuat dasar boleh menyokong kerjasama antara syarikat teknologi, penyelidik dan agensi keselamatan untuk mengkaji kandungan fahaman pelampau janaan AI serta membangunkan sistem amaran awal. Yang pentingnya, hal ini mesti diseimbangkan dengan pemahaman bahawa bentuk lama propaganda masih berkesan — pendekatan dua hala diperlukan untuk menangani ancaman AI baru muncul tanpa mengabaikan taktik propaganda asas yang masih terus meradikalkan individu setiap hari.

Penekanan terhadap penyelarasan dengan pelbagai pelaku boleh menambah baik hasil, meningkatkan keterangkuman, dan memperkukuh ketahanan

Pendekatan menyeluruh yang boleh bergerak balas terhadap ancaman baru muncul dan sedia ada dalam ruang dalam talian dan luar talian memerlukan penyelarasan dan pelibatan pelbagai pelaku. Usaha berterusan untuk pelibatan dan penyelarasan pada peringkat kebangsaan dan serantau adalah sangat penting, memanfaatkan kepakaran sedia ada dalam institusi di Malaysia seperti SEARCCT, SKMM, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan pelaku pencegahan fahaman pelampau lain serta pelibatan serantau dan global dengan platform teknologi dan forum serantau untuk bertindak lebih awal dalam menghadapi ancaman pelampau baru muncul dalam talian. Akhir sekali, pelibatan dengan masyarakat sivil untuk menyokong pembinaan ketahanan dalam talian dan luar talian merupakan tonggak penting dalam pencegahan yang berkesan. Usaha seperti ini dapat meningkatkan potensi dalam rangka kerja kawal selia dan pemantauan apabila ancaman baru muncul atau teknologi baharu mencapai kematangan.



RUJUKAN



- Anti-Defamation League. (2024). Addressing Extremism in Online Games Through Platform Policies [Report]. ADL Center for Technology & Society. <https://www.adl.org/resources/report/addressing-extremism-online-games-through-platform-policies>
- Basha, S. (2024). The creeping influence of the extreme right's meme subculture in Southeast Asia's TikTok community. GNET. <https://gnet-research.org/2024/04/08/the-creeping-influence-of-the-extreme-rights-meme-subculture-in-southeast-asias-tiktok-community/>
- Bernama. (2024). Govt launches MyPCVE Action Plan to Counter Terrorism Intelligence, Extreme Activities. <https://www.pmo.gov.my/2024/09/govt-launches-mypcve-action-plan-to-counter-terrorism-intelligence-extreme-activities/>
- Bradley, A. (2025). Right- and left-wing violent extremist abuse of digital technologies in South America, Africa and Asia. UNICRI. <https://unicri.org/Publication-Right-Left-Wing-Violent-Extremist-Digital-Technologies-SouthAmerica-Africa-Asia>
- Cabanes Ragandang, P. I. (2024). Young people challenging violent extremism online: insights from Asia. GNET. https://gnet-research.org/wp-content/uploads/2024/08/GNET-45-Young-People-Challenging-Extremism_web.pdf
- Dass, R. (11 Februari 2025). The continued threat of online radicalization in Malaysia. The Diplomat. <https://thediplomat.com/2025/02/the-continued-threat-of-online-radicalization-in-malaysia/>
- Fakirra, N. I. (2024). Reassessing the threat of Hizbut Tahrir. Dalam RSIS. <https://rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2024/06/CO24071.pdf>
- Fernandez, K. (2022). Reasoning the Need for a National Action Plan to Counter-Violent Extremism in Malaysia in the Post-IS Period: Internet Soul Searching among Muslim Youth. SEARCCT's Selection of Articles 2022, 75-99. <https://www.searcct.gov.my/wp-content/uploads/2023/01/SEARCCT-Selection-Of-Articles-2022.pdf>
- Fielitz, M., Marcks, H. & Bitzmann, H. (2023). "Jeder wirbt für sich allein? Wie auf Telegram der Aufruhr zum Geschäft wird" [Everyone advertises for themselves? How rebellion becomes business on Telegram], Machine Against the Rage, no. 3.
- Gilder, A. (2022). "Chapter 14 Contracting Space for Opposing Speech in South East Asia and Restrictions on the Online Freedom of Expression". Dalam The Asian Yearbook of Human Rights and Humanitarian Law, (hlm. 293–308). Brill. https://doi.org/10.1163/9789004520806_015
- Habulan, A., Taufiqurrohman, M., Jani, M. H. B., Bashar, I., Zhi'An, F., & Yasin, N. A. M. (2018). Southeast Asia: Philippines, Indonesia, Malaysia, Myanmar, Thailand, Singapore, Online Extremism. Counter Terrorist Trends and Analyses, 10(1), 7–30. <http://www.jstor.org/stable/26349853>
- Hasbi, A. H. bin M., & Mok, B. (2023). Digital Vacuum: The evolution of IS Central's media outreach in Southeast Asia. Counter Terrorist Trends and Analyses, 15(4), 1–8. <https://www.jstor.org/stable/48743372>
- Hunter, S., d'Amato, A. L., Elson, J. S., Doctor, A. C., & Linnell, A. (2024). The Metaverse as a future threat landscape: An interdisciplinary perspective. Perspectives on Terrorism, 18(2), 100–118. <https://www.jstor.org/stable/27315310>
- Ismail, N., Jawhar, J., Yusof, D. M., Ismail, A. I., & Akhtar, N. R. M. K. (2022). Understanding Malaysian youth's social media practices and their attitude towards violent extremism. Intellectual Discourse, 30(1). <https://doi.org/10.31436/id.v30i1.1855>
- Ismazam, M. A. (2023). Malicious use of artificial intelligence by terrorists: Assessing future risks. Dalam Special Issue: Building Digital Resilience In Preventing and Countering Violent Extremism. SEARCCT'S Selection of Articles 2023. 161-165. <https://www.searcct.gov.my/wp-content/uploads/2024/08/SOA-2023d.pdf>
- Jani, M. H. B. (2017). Countering violent extremism in Malaysia: past experience and future prospects. Counter Terrorist Trends and Analyses, 9(6), 6–10. <http://www.jstor.org/stable/26351526>

- Jost, J. and Sick, H. (2024). Cash for Incitement: The Monetisation of Digital Hate in Germany. Global Network on Extremism and Technology (GNET). <https://gnet-research.org/2024/05/01/cash-for-incitement-the-monetisation-of-digital-hate-in-germany/>
- Kamaruzzaman, K. B., Mokhtar, R. a. M., Aziz, A. R. A., Al-Tahitah, A. N. A., & Melhem, I. I. a. B. (2023). Meneroka perspektif menangani ekstremisme di Malaysia melalui pendekatan naratif alternatif digital. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8 (9), e002525. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2525>
- Kelly, S. (2021). Money Laundering Through Virtual Worlds of Video Games: Recommendations for a New Approach to AML Regulation. Syracuse Law Review, 71(1487). <https://lawreview.syr.edu/wp-content/uploads/2022/01/1487-1512-Kelly.pdf>
- Kemp, S. (2025). Digital 2025: Malaysia — DataReportal — Global Digital Insights. DataReportal — Global Digital Insights. <https://datareportal.com/reports/digital-2025-malaysia>
- Kilmer, E. D. & Rachel K. (2024). Grooming for Violence: Similarities Between Radicalisation and Grooming Processes in Gaming Spaces. GNET. <https://gnet-research.org/2024/02/08/grooming-for-violence-similarities-between-radicalisation-and-grooming-processes-in-gaming-spaces/>
- Kow, K. Y. (2024, May 3). Learning to see through the lies with media literacy. 360info. <https://360info.org/learning-to-see-through-the-lies-with-media-literacy/>
- Lamphere-Englund & White, J. (2023). The Online Gaming ecosystem: Assessing digital socialisation, extremism risks and harms mitigation efforts. GNET. <https://gnet-research.org/2023/05/26/the-online-gaming-ecosystem/>
- Lamphere-Englund, G., & Thompson, E. (2024). 30 years of trends in terrorist and extremist games. GNET. <https://gnet-research.org/2024/11/01/30-years-of-trends-in-terrorist-and-extremist-games/>
- Leong, P. P. Y., & Loh, B. Y. H. (2024). State-sponsored Disinformation through digital media in Malaysia. Dalam Routledge eBooks (hlm. 287–301). <https://doi.org/10.4324/9781032632940-21>
- Liu, D. (2024). Borderline content and platformised speech governance: Mapping TikTok’s moderation controversies in South and Southeast Asia. Policy & Internet, 16, 543–566. <https://doi.org/10.1002/poi3.388>
- Mahmoud, F. (2023). From Atari to Allahu Akbar: Comparing White Supremacist and Jihadist Uses of Gamified Extremism. GNET. <https://gnet-research.org/2023/02/08/from-atari-to-allahu-akbar-comparing-white-supremacist-and-jihadist-uses-of-gamified-extremism/> GNET
- Ministry of Home Affairs. (2023, February 21). Issuance of Orders Under the Internal Security Act Against Two Self-Radicalised Singaporean Youths [Siaran media]. Kerajaan Singapura.
- Mohd Nor, M. W., & El-Muhammady, A. (2021). Radicalisation and paramilitary culture: the case of Wanndy’s Telegram groups in Malaysia. In Springer eBooks (hlm. 95–122). https://doi.org/10.1007/978-981-16-5588-3_6
- Mohd Nor, M. W. (2023) All-of-society approach to address hate speech. In Special Issue: Building Digital Resilience In Preventing and Countering Violent Extremism. SEARCT’S Selection of Articles 2023, 97-107. <https://www.searct.gov.my/wp-content/uploads/2024/08/SOA-2023d.pdf>
- Mohd Nor, M. W. (2024). From Hate to Hope: A Holistic Approach to address Hate speech. Institute of Diplomacy & Foreign Relations (IDFR). https://www.idfr.gov.my/images/pdf_folder/IDFR_Book-From_Hate_to_HOPE.pdf
- Muhaimi, H. (2022). Holistic Recommendations to Tackle Hate Speech, a Driver of Intolerance in Malaysia. INITIATE. MY Policy Brief, No. 3. <https://initiate.my/holistic-recommendations-to-tackle-hate-speech-a-growing-intolerance-in-malaysia-2/>
- Mustaffa, M. (2022). Radical right activities in Nusantara’s digital landscape: A snapshot. GNET. <https://gnet-research.org/2022/04/19/radical-right-activities-in-nusantaras-digital-landscape-a-snapshot/>
- Mustaffa, M. (2024). When Opposition is Extremism: The dangers of oversecritisation and online vigilantism. Dalam ICCT Policy Brief. ICCT. https://icct.nl/sites/default/files/2024-02/Munira_When%20Opposition%20is%20Extremism%20The%20Dangers%20of%20Oversecritisation%20and%20Online%20Vigilantism_1.pdf
- Mustaffa, M. (t.t.). Radical right activities in Nusantara’s digital landscape: A snapshot. GNET. <https://gnet-research.org/2022/04/19/radical-right-activities-in-nusantaras-digital-landscape-a-snapshot/>

Newzoo. (30 Januari 2020). Insights into Malaysia's games market and its gamers.

<https://newzoo.com/resources/blog/insights-into-malaysias-games-market-and-its-gamers>

Roberts, S., & Matsushima, N. (2024). Young leaders for Online Preventing and Countering Violent Extremism (PCVE) in Southeast Asia. UNOCT. https://www.un.org/counterterrorism/sites/www.un.org.counterterrorism/files/y14pcve_evaluation_report_30_september_2024.pdf

Satria, A., Yeo, K., Dass, R., Bashar, I., Chalermripinyorat, R., Singam, K. V., & Leong, A. (2024). SOUTHEAST ASIA: Indonesia, Philippines, Malaysia, Myanmar, Thailand, Singapore. Counter Terrorist Trends and Analyses, 16(1), 11–46. <https://www.jstor.org/stable/48756305>

Schlegel, L. (2021). Extremists' use of gaming (adjacent) platforms: Insights regarding primary and secondary prevention measures. Dalam EUROPEAN COMMISSION Radicalisation Awareness Network. https://home-affairs.ec.europa.eu/system/files/2021-08/ran_extremists_use_gaming_platforms_082021_en.pdf

Shamsuddin, A. (2022). National Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism: Civil Society Deserves a Seat at the Table. INITIATE.MY Policy Brief, No. 1. <https://initiate.my/policy-brief-issue-1-2022/>

Subramaniam, N. K. (2023). Technology in Education: A case study on Malaysia. UNESCO. <https://doi.org/10.54676/qxeg1330>

Sulaimarl, N., & De Lang, N. E. (2024). Emerging threats and trends of terrorism and violent extremism online. SEARCCT'S Selection of Articles 2024, 21–29. https://www.searcct.gov.my/wp-content/uploads/2024/12/v4_Draft-SOA-2024-Publisher.pdf

The Star (2023, June 13). Zambry suggests digital resilience initiative to prevent, counter violent extremism. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/13/zambry-suggests-digital-resilience-initiative-to-prevent-counter-violent-extremism>

UNDP. (2022). Preventing and Countering Violent Extremism (PCVE) in Malaysia: Handbook for Civil Society Organisations (CSOs). <https://www.undp.org/malaysia/publications/preventing-and-countering-violent-extremism-pcve-malaysia-handbook-civil-society-organisations-csos>

UNICRI & UNCCT. (2021) Countering terrorism online with Artificial Intelligence - An overview for law enforcement and counter-terrorism agencies in South Asia and South-East Asia. <https://unicri.org/Publications/Countering-Terrorism-Online-with-Artificial-Intelligence-%20SouthAsia-South-EastAsia>

UNODC. (2020). Darknet Cybercrime Threats to Southeast Asia. https://www.unodc.org/roseap/uploads/documents/Publications/2021_Darknet_Cybercrime_Threats_to_Southeast_Asia_report.pdf

Wan Rosli, W. R. (2024). Violent extremism and Artificial intelligence: A Double-Edged Sword in the context of ASEAN. Commonwealth Cyber Journal, 46–48. <https://production-new-commonwealth-files.s3.eu-west-2.amazonaws.com/s3fs-public/2024-06/ccj-2-1-violent-extremism-ai-wan-rosli.pdf>

Wei, H. K. (2023). Building digital resilience in Preventing and Countering Violent Extremism. In Special Issue: Building Digital Resilience In Preventing and Countering Violent Extremism. SEARCCT'S Selection of Articles 2023, 136-142. <https://www.searcct.gov.my/wp-content/uploads/2024/08/SOA-2023d.pdf>

White, J., Wallner, C., Lamphere-Englund, G., Love Frankie, Kowert, R., Schlegel, L., Kingdon, A., Phelan, A., Newhouse, A., Saiz Erasquin, G., & Regeni, P. (2024). Radicalisation through gaming: The role of gendered social identity (Whitehall Report). RUSI. <https://www.rusi.org/explore-our-research/publications/whitehall-reports/radicalisation-through-gaming-role-gendered-social-identity>

Yasin, N. A. M. (2017). The evolution of online extremism in Malaysia. Counter Terrorist Trends and Analyses, 9(4). <https://css.ethz.ch/content/dam/ethz/special-interest/gess/cis/center-for-securities-studies/resources/docs/RSIS-CTTA%20Volume%209,%20Issue%207.pdf>

Yatid, M. M. (2019). Truth Tampering through social media: Malaysia's approach in fighting disinformation & Misinformation. IKAT the Indonesian Journal of Southeast Asian Studies, 2(2), 203. <https://doi.org/10.22146/ikat.v2i2.40482>

Yee, K. K., & Shyh, T. H. (2024). Problem-Based Learning: Media and Information Literacy Project to combat misinformation for future communicators. *Journalism & Mass Communication Educator*, 79(3), 340-364. <https://doi.org/10.1177/10776958241256404>

Yunus, A. (2022). Countering online radicalisation during the COVID-19 pandemic: the case of Malaysia. *Counter Terrorist Trends and Analyses*, 14(2), 9–15. <https://www.jstor.org/stable/48663621>

Yusof, D. M., Kamal, S. M., & Ismail, A. I. (2021). Wisma Putra and PCVE (Preventing and Countering Violent Extremism): Sustaining Malaysia's Narrative of Peace and Security. *Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, 20(1), 75–90. https://www.idfr.gov.my/images/JDFR/Vol20_No1_Nov_2021.pdf

Zahari, A. I., Said, J., Abdullah, K., & Noor, N. M. (2023). Financial innovations in terrorism financing: a case study of Malaysian terror financing. *Journal of Criminological Research Policy and Practice*, 10(1), 1–18. <https://doi.org/10.1108/jcrpp-11-2022-0056>

ZCOM Engagement Lab. (7 September 2023). Survey Report: Navigating the Malaysian Gaming Industry 2023. <https://engagement.z.com/resource/survey-report/malaysian-gaming-2023>



Hedayah

Countering Extremism
& Violent Extremism





Hedayah

Countering Extremism
& Violent Extremism

WWW.HEDAYAH.COM

  HEDAYAH_CVE

  HEDAYAH